

"PEMANGSAAN (VICTIMISATION)"

FENOMENA MANGSA-MANGSA JENAYAH
KAWASAN NONG CIK, JOHOR BAHRU

Daya memahamanan seseorang berdasarkan
keperluan pihak-pihak dan orang-orang yang telah
memahami nilai dan makna seseorang itu.

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DALAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

yang telah membuktikan diri dalam kajian ini
dijalankan dengan baik.

OLEH

NO. Matrik 21066

dari JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI, UNIVERSITI MALAYA, KUALA LUMPUR yang telah diluluskan pada tahun 1975, dan
tidak kecuali juga kepada pengaruh-pengaruh
KAWASAN NONG CIK yang telah bekerjasama menjaya-
kan pengalaman ini.

Sekian, terima kasih.

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

NOVEMBER 1975

PENGHARGAAN

Saya mengucapkan ribuan terima kaseh kepada pihak-pihak dan orang-orang yang telah membantu dalam menyiapkan kajian ini.

Terutama sekali kepada AMILIJOES SA'DANOER yang bertungkus lumus menjalankan pengawasan keatas perlaksanaan latihan ilmiah ini.

Kepada ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN yang telah membantu saya dari mula kajian ini dijalankan hingga selesai.

Kepada pihak JABATAN UKOR, JOHOR BAHRU dan JABATAN PERANCANG BANDAR DAN KAMPUNG, JOHOR BAHRU yang telah menyediakan peta-peta, dan tidak ketinggalan juga kepada penuduk-penuduk KAMPUNG NONG CIK yang telah bekerjasama menjayakan penyelidikan ini.

Sekian, terima kaseh.

PEMANGSAAN (VICTIMISATION)

<u>Isi Kandungan</u>	<u>Mukasurat</u>		
PENGHARGAAN	(ii)		
BAB I - PENDAHULUAN			
Kepentingan Kajian	1
Tujuan Kajian	3
Method Kajian	5
Masaalah Kajian	6
Batas Kajian	11
Konsep Pemangsaan	11
Latar Belakang Kawasan	14
BAB II -			
Mangsa-Mangsa Jenayah	19
Penduduk Yang Tidak Pernah Menjadi Mangsa Jenayah	24
Perduduk Yang Tidak Memberikan Jawapan Dalam Soal-Selidik	26
BAB III -			
Jenis-jenis Jenayah Yang Berlaku Keatas Mangsa	28

<u>Isi Kandungan</u>	<u>Mukasurat</u>	
- Perompakan		
- Kecurian, kejadian kecurian		
- Penipuan		
- Pemerasan Ugut & Perogolan		
- Penyelukan Saku, Merosakkan		
Harta dan Ganguan	28	
Nilai Kerugian	39
Penjenayah	41
Penjenayah Secara		
Keseluruhan	44
Pengunaan Senjata	46
Jenayah Yang Dilapurkan	47
Nilai Kerugian Yang		
Dilapurkan	49
Sebab-sebab Banyak		
TerHapat "Hidden		
Crimes"	51
BAB IV -		
Hubungan Mangsa Dengan		
Penjenayah	55
Hubungan Bangsa		
Mangsa Dengan		
Penjenayah	57
Butir-butir Mengenai		
Jantina dan Pekerjaan		
serta Hubungannya		
antara Penjenayah dan		
Mangsa	58

<u>Isi Kandungan</u>	<u>Mukasurat</u>
Sikap Mangsa	
Terhadap Pengadilan	60
Sikap Penduduk	
Terhadap Pihak Polis	60
Penghisap-penghisap	
Dadah Sebagai Golongan	
Penjenayah	62
Jenayah Yang Dilakukan Olih Pemuda-pemuda Nakal	...
...	63
Tiori-tiori Mengenai Genjala-genjala Yang Menyebabkan Seseorang Melakukan Jenayah	...
...	64
Sebab-sebab Banyak Kejadian Jenayah Di kawasan ini	...
...	67
Sikap-Mangsa-mangsa Jenayah dan Penduduk-penduduk Lainnya	
Terhadap Kampung ini	69
BAB V	
Penutup	...
...	72

PETA DAN EXTRACT

	<u>Muka surat</u>
	<u>Mukasurat</u>
1 Data Jadual 1 - Data Yang Dikaitkan	79
1. PETA 1 MENUNJUKKAN KEDUDUKAN KAWASAN KAJIAN DALAM DAERAH JOHOR BAHRU	... 14a
2 Data Jadual 2 - Data Yang Dikaitkan	79
2. PETA 2 MENUNJUKKAN KAWASAN PERUMAHAN NONG CIK	... 14b
3 Data Jadual 3 - Data Yang Dikaitkan	80
3. EXTRACT 1, Rumah Kerajaan Kelas VI dan VII	... 18c
4 Data Jadual 4 - Data Yang Dikaitkan	80
4. EXTRACT 2, Rumah Kerajaan Kelas VIII dan IX	... 18d
5 Data Jadual 5 - Data Yang Dikaitkan	81
5. EXTRACT 3, Rumah Pangsa Kelas VII dan VIII	... 18e
6 Data Jadual 6 - Hubungan Antara Penjenayah Di- kaitkan Dengan Jenis Penjenayah Yang Dilakukan.	81
7 Data Jadual 7 - Jantina Penjenayah Di- hubungkan Dengan Jenis Penjenayah.	82
8 Data Jadual 8 - Bangga Penjenayah Di- hubungkan Dengan Jenis Penjenayah.	82
9 Data Jadual 9 - Hubungan Antara Pekerjaan Penjenayah Dengan Jantina Penjenayah.	82
10 Data Jadual 10 - Hubungan Antara Jenis Penjenayah Dengan Penggunaan Senjata.	83

Muka surat

1 Data Jadual	1 - Umur Mangsa Dikaitkan Dengan Jenis Jenayah Yang Berlaku.	79
2 Data Jadual	2 - Jantina Mangsa Dikaitkan Dengan Jenis Jenayah Yang Berlaku.	79
3 Data Jadual	3 - Bangsa Mangsa Dihubung- kan Dengan Jenis Jenayah.	80
4 Data Jadual	4 - Pekerjaan Mangsa Di- hubungkan Dengan Jenis Jenayah.	80
5 Data Jadual	5 - Jenis Jenayah Yang Di- kaitkan Dengan Tahun Berlakunya Kejadian itu.	81
6 Data Jadual	6 - Umur Penjenayah Di- kaitkan Dengan Jenis Jenayah Yang Dilakukan.	81
7 Data Jadual	7 - Jantina Penjenayah Di- hubungkan Dengan Jenis Jenayah.	82
8 Data Jadual	8 - Bangsa Penjenayah Di- hubungkan Dengan Jenis Jenayah.	82
9 Data Jadual	9 - Hubungan Antara Pekerjaan Penjenayah Dengan Jantina Penjenayah.	82
10 Data Jadual	10 - Hubungan Antara Jenis Jenayah Dengan Penggunaan Senjata.	83

			<u>Mukasurat</u>	
11	Data Jadual	11	- Hubungan Antara Jenis Jenayah Dengan Lapuran Yang Dilakukan dan Tangkapan.	83
12	Data Jadual	12	- Hubungan Antara Nilai Yang Kerugian Dengan Lapuran dan Tangkapan.	84
13	Data Jadual	13	- Hubungan Antara Umur Mangsa Dengan Umur Penjenayah.	84
14	Data Jadual	14	- Bangsa Mangsa Dihubung- kan Dengan Bangsa Penjenayah.	85
15	Data Jadual	15	- Hubungan Jantina Mangsa Dengan Jantina Penjenayah.	85
16	Data Jadual	16	- Hubungan Jantina Mangsa Dengan Pendadah.	85
17	Data Jadual	17	- Respondent Dihubungkan Dengan Umur-umur Mereka.	86
8	Rajah	8	- Perbandingan Kadar Penjenayah Yang Diketahui Dan Kadar Penjenayah Yang Tidak Diketahui.	94

1 Rajah	1 - Kadar Penduduk-penduduk Yang Menjadi Mangsa Mengikut Tingkat Umur Masing-masing.	87
2 Rajah	2 - Kadar Penduduk-penduduk Yang Tidak Pernah Menjadi Mangsa Jenayah Mengikut Tingkat Umur.	88
3 Rajah	3 - Kadar Jenayah Mengikut Tahun-tahun Berlakunya Kejadian Tersebut.	89
4 Rajah	4 - Kadar Bilangan Jenayah Yang Berlaku Mengikut Jenis-jenisnya.	90
5 Rajah	5 - Bilangan Penjenayah Yang Diketahui Mengikut Jenis-jenis Jenayah Yang Dilakukan.	91
6 Rajah	6 - Bilangan Penjenayah Mengikut Tingkat-tingkat Umurnya.	92
7 Rajah	7 - Kadar Penggunaan Senjata Olih Penjenayah-penjenayah Dan Dibezakan Dengan Kadar Penjenayah Yang Tidak Menggunakan Senjata Dan Kadar Yang Tidak Diketahui Olih Mangsa.	93
8 Rajah	8 - Perbandingan Kadar Penjenayah Yang Diketahui Dan Kadar Penjenayah Yang Tidak Diketahui.	94

9 Rajah 9 - Perbezaan Antara Jenayah-jenayah Yang Dilapurkan Dan Yang Tidak Dilapurkan.

95

Kajian penanganan jenayah, adalah satu kajian kriminologi tentang mangsa-mangsa jenayah. Kajian ini adalah satu langkah untuk mendapatkan segala butir-butir mengenai jenayah yang telah berlaku ketika dicirungas-mangsa. Ini adalah satu kajian yang agak baru. Kajian ini hanya mendapat kajian yang mana telah berkibarkan dalam 3 laporan (report) di "United States for the President's Commission" dalam tahun 1968. Satu daripada laporan tersebut adalah berkemas khas jenayah yang dilakukan terhadap keluarga-keluarga di Angkatan Syarikat, iaitu diambil 10,000 representative sample. Kajian yang lain (pilot studies) adalah di dalam kawasan/daerah di Colombia (Kolumbia), dan kajian yang ketiga ialah di Boston dan Chicago, di mana kedua-dua kajian kajian merupakan kajian jenayah yang tertinggi dan terrendah sekali (1). Selain daripada kajian-kajian tersebut, tidak dapat juga ditulis-sejana Sociologi dan Ahli-Ahli Kriminologi membantuk kajian diberi tajuk dan bagi mendapatkan surjana-surjana dan dediktoran dan sebagainya.

Dalam kajian ini, pengkaji cuba menganalisa kadar penanganan dengan menggunakan data statistik. Pertambahan di dalam kadar jenayah pada masa sekurangnya memberi kesan kepada pertambahan kadar penanganan. Apa yang penting di dalam kajian ini ialah mangsa jenayah lebih diambil beratkan dan diberi perhatian daripada penjenayah itu sendiri. Ini disebabkan oleh banyaknya kajian-kajian dan penyelidikan tentang penjenayah dan perlakuananya yang telah dilakukan. Kajian tersebut ialah berbentuk sebab-matahab sebezang itu melakukan jenayah yang dilihat dari

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian pemangsaan jenayah, adalah satu kajian kriminologi keatas mangsa-mangsa jenayah. Kajian ini adalah satu langkah untuk mendapatkan segala butir-butir mengenai jenayah yang telah berlaku keatas diri mangsa-mangsa. Ini adalah satu kajian yang agak baru. Sejauh ini hanya terdapat kajian yang mana telah diterbitkan di dalam 3 lapuran (report) di "United States for the President's Commission" dalam tahun 1967. Satu daripada lapuran tersebut adalah berkenaan kadar jenayah yang dilakukan terhadap keluarga-keluarga di Amerika Syarikat, iaitu dimana diambil 10,000 representative sample. Kajian yang lain (pilot studies) adalah didalam kawasan/daerah di Colombia (Washington), dan kajian yang ketiga ialah di Boston dan Chicago, iaitu dimana kedua-dua kawasan kajian merupakan kawasan jenayah yang tertinggi dan terendah sekali (1). Selain daripada kajian-kajian tersebut, didapati juga Sarjana-Sarjana Sosiologi dan Ahli-Ahli Kriminologi yang membuat kajian diatas tajuk ini bagi mendapatkan Sarjana-Sarjana Kedoktoran dan sebagainya.

Didalam kajian ini, pengkaji cuba menganalisa kadar pemangsaan dengan menggunakan data Statistik. Pertambahan didalam kadar jenayah pada masa sekarang, memberi kesan kepada pertambahan kadar pemangsaan. Apa yang penting didalam kajian ini ialah mangsa jenayah lebih diambil beratkan dan diberi perhatian daripada penjenayah itu sendiri. Ini disebabkan oleh banyaknya kajian-kajian dan penyelidikan keatas penjenayah dan perlakuannya yang telah dilakukan. Kajian tersebut ialah berbentuk sebab musabab seseorang itu melakukan jenayah yang dilihat dari

berbagai aspek, jenis-jenis hukuman yang telah dijatuhkan, kesannya keatas masyarakat, tiori-tiori yang telah dikemukakan dan berbagai-bagi lagi. Apa yang menjadi persoalan ialah pengkaji-pengkaji tidak mementingkan mangsa jenayah itu sendiri. Dengan ini sejak kebelakangan, telah ada pengkaji-pengkaji baru yang menitik beratkan mangsa jenayah sendiri dalam mengkaji kadar jenayah yang berlaku disesuatu kawasan.

Perbuatan jenayah adalah satu perlakuan yang sangat menarik. Oleh itu bagi mengkajinya, perlu kita kaji mangsanya dahulu. Jenayah mempunyai hubungan dengan struktur sosial dan kebudayaan didalam masyarakat itu sendiri. Misalnya - tanpa maklumat dari kajian pemangsaan ini, kajian keatas "the impact of Urbanisation dan Economic Condition on the Level of Criminality" tidak mungkin dilakukan. Juga data-data ini penting sebagai asas bagi dasar perlaksanaan Undang-Undang. Misalnya - ia membolihkan pihak-pihak tertentu membuat pengiraan dalam perbandingan antara orang-orang yang menjadi mangsa jenayah didalam struktur dan kedudukan sosial yang berbeza, seperti didalam Seksyen-Seksyen disesuatu bandar dengan yang lainnya. Dengan lain perkataan, kajian ini juga bolih dijadikan panduan kepada tindakan-tindakan penghalang (preventive action). Juga kajian ini bolih menolong didalam anggaran kadar 'national crimes' seperti yang dilakukan oleh NORC (National Opinion Research Center) di Amerika Syarikat (2).

Kajian pemangsaan ini juga memberikan maklumat tentang jenayah-jenayah yang disembunyikan (hidden crimes), iaitu perbuatan jenayah yang tidak dilapurkan oleh mangsa kepada pihak Polis, dan sebab-sebab mengapa ramai mangsa-mangsa yang tidak berhubung dengan pihak yang berkuasa. Ini bolih membeuktikan beberapa perkara iaitu tentang kepercayaan orang ramai terhadap pihak Polis, dan pandangan orang ramai terhadap jenis-jenis perbuatan yang dianggap jenayah.

Walaubagaimana pun terdapat kelemahan dan 'limitation' didalam kajian jenis ini. Iaitu apabila kita mengkaji jenayah melalui mangsanya, sudah tentulah jenis-jenis jenayah yang dapat diketahui itu terhad. Jika didalam jenayah pembunuhan, mangsanya adalah orang yang telah dibunuh itu. Jadi kita tidak dapat melakukan kajian keatas mangsa pembunuhan. Begitu juga dengan suicide (pembunuhan diri), mangsa jenayah ini ialah si perlaku itu sendiri. Lain-lain jenis jenayah ialah seperti pelacuran, 'corruption' (penerimaan rasuah), perjudian (gambling), pemabukuan (drunken) dan pendadahan adalah mustahil untuk mengkaji mangsanya. Jenis-jenis jenayah seperti ini mempunyai mangsa dikalangan siperlaku-siperlaku itu sendiri. Oleh itu kajian pemangsaan tidak dapat dilakukan keatas mangsa bagi jenis-jenis jenayah seperti yang tersebut diatas (3).

1.1 TUJUAN KAJIAN

Kajian pemangsaan ini dijalankan secara exploratory studies untuk mengetahui kadar jenayah yang berlaku di kawasan kajian yang dikaitkan dengan jenis-jenis jenayah. Perdakatan kajian-kajian ialah mengkaji peristiwa-peristiwa yang digelar dengan "phenomenal approach". Pendekatan ini adalah mengkaji mangsa sebagai peristiwa-peristiwa dan di ambil dengan cara mengkaji data statistik. Didalam kajian ini dicari butir-butir penting seperti bangsa, umur, jantina, pendapatan, pekerjaan, taraf hidup dan dikaitkan dengan nilai kerugian. Selain daripada itu pengkaji cuba mencari hubungan antara penjenayah dengan mangsa, antara jenayah yang dilapurkan dan yang tidak dilapurkan serta tindakan-tindakan pihak yang berkuasa terhadap lapuran tersebut. Daripada kenyataan-kenyataan yang akan didapati itu, akan dianalisa pendapat-pendapat dan pandangan mangsa terhadap pengadilan dan pada pihak polis serta kepercayaan mereka terhadap golongan-golongan ini. Pandangan mangsa terhadap jenis-jenis jenayah juga perlu kerana tiap-tiap

mangsa mempunyai sikap yang berbeza terhadap jenayah yang berbeza didalam ukuran nilai kerugiannya.

Daripada maklumat mangsa, ingin diketahui kadar penjenayah yang diketahui oleh mangsa, dibandingkan dengan kadar jenayah tersebut. Iaitu samada terdapat hubungan antara mangsa dan penjenayah. Mungkinkah jenayah yang berlaku itu disengajakan oleh si perlaku itu keatas mangsanya. Perlu juga diketahui samada penjenayah-penjenayahnya mempunyai kaitan dengan penduduk kampung ini juga. Iaitu samada pemuda-pemuda kampung ada yang menjadi pemuda-pemuda nakal yang punya hubungan dengan kejadian-kejadian yang berlaku. Adakah kawasan kajian ini mempunyai golongan-golongan penagih dadah yang memungkinkan mereka mengambil bahagian dalam perbuatan jenayah itu.

Selain daripada perkara yang tersebut diatas, kajian pemangsaan jenayah ini juga cuba mencari peratus "hidden crimes". Misalnya Leon Radzinowics mengatakan kira-kira 15% daripada jenayah yang berlaku di England itu dilapurkan manakala Howard Jones menganggarkan bahawa 25% sahaja yang dilapurkan. Tujuan kajian ini yang penting sekali ialah untuk mengetahui "the unknown victims", Dari penulisan Philip H. Ennis dalam buku "Crime and Delinquency" yang ditulis oleh M.E. Wolfgang, mengatakan bahawa lebih 20% keluarga yang menjadi mangsa jenayah dalam satu-satu tahun. Angka ini adalah dua kali ganda banyaknya dari jenayah-jenayah besar yang dilapurkan iaitu mengikut lapuran dari "The FBI's Uniform Crime Reports" (VCR) (4). Jadi mengapa-kah ramai mangsa yang menyembunyikan kejadian tersebut atau apakah sebab-sebab kegagalan mereka dalam menemui pihak yang berkuasa. Inilah perkara-perkara yang hendak diketahui dari kajian-kajian seperti ini. Kalau perkara diatas berlaku di Amerika Syarikat, bagaimana pula bentuk yang berlaku dikawasan kajian ini iaitu di Johor Bahru.

1.2 METHOD KAJIAN

Kajian ini dijalankan secara exploratory studies iaitu dengan menggunakan method survey. Survey yang dijalankan adalah dengan kajian structured interview. Structured interview adalah merupakan soal selidik (questionnaire) yang diatur soalannya sebanyak 42 soalan. Tiap-tiap soalan disediakan jawapannya. Respondents hanya dikehendakki menandakan jawapan yang sesuai dengan apa yang dialaminya mengikut soalan-soalan yang tersedia. Juga terdapat soalan-soalan yang meminta pendapat dari respondent-resident tentang beberapa perkara. Cara yang digunakan untuk memilih respondent-resident ialah cara random sampling. Populasi yang diambil ialah disatu kawasan perumahan kerajaan didalam daerah Johor Bahru. Iaitu kawasan Nong Cik yang mana mengandungi 120 keluarga. Sampling hanya diambil dari 100 respondent yang mewakili setiap keluarga.

Cara survey dijalankan ialah dengan membahagikan soal selidik-selidik tersebut kepada respondent-resident untuk dijawab dan diberi masa selama satu minggu. Selepas satu minggu, pengkaji menuntut semula soal selidik tersebut. Bagi mereka-mereka yang kurang faham bahasa Malaysia atau yang tidak faham soalan-soalan, pengkaji menyoalkannya sendiri dengan berdasarkan soalan-soalan tersebut supaya mudah difahami. Olih itu jawapan yang diberikan dicatitkan oleh pengkaji. Mengikut R.Hoods dan R.Sparks, cara soal selidik seperti ini dikenal juga dengan nama "Selfreports". Iaitu dimana respondent-resident memberikan jawapan daripada pengalaman mereka sendiri. Samada mereka pernah menjadi mangsa kepada sebarang jenayah, tidak kira samada besar atau kecil. Selain daripada jawapan-jawapan tentang latar belakang dan pengalaman-pengalaman mereka dalam mengalami kejadian jenayah. Soalan-soalan juga meminta respondent-resident memberi pandangan tentang keadaan kampung tersebut.

Setelah semuanya diisi dan soal selidik dipungut dalam tempoh satu minggu dari respondent-responent, langkah yang seterusnya ialah menyediakan data-data iaitu dibuat dengan mengaitkan angka ubah-ubah dependant dan independant serta angka ubah-ubah seperti umur, jantina, bangsa, pekerjaan, pendapatan, jenis jenayah, nilai kerugian dan sebagainya. Kemudian data dikaji iaitu mana-mana yang perlu dan meninggalkan data-data yang tidak diperlukan. Setelah siap, data dianalisa untuk dibuat penhuraian tentang pemangsaan dikawasan Nong Cik berdasarkan hypothesis-hypothesis yang telah disediakan.

1.3 MASAALAH KAJIAN

Dalam menjalani kajian seperti ini memang telah sediakala kita menghadapi berbagai masaalah, lebih-lebih lagi kajian ini mempunyai hubungan persemuakaan dengan orang ramai iaitu masyarakat. Masaalah pengkaji sendiri telah sedia ada dan ditambah pula masaalah pada masa menjalankan kajian. Segala kesulitan tersebut termasuklah dalam mencari populasi, menyediakan soal-soal selidik, masaalah kewangan, kesuntukan masa, masaalah kerjasama dari penduduk, masaalah untuk mendapatkan keterangan yang benar/betul, masaalah menyediakan data dan dalam penganalisaan.

Pertamanya perlu dibincarakan masaalah memilih tajuk kajian iaitu pokok bicara yang hendak ditumpukan. Tajuk perbincangan atau pemusatan kajian yang hendak dijalankan pula difikirkan dengan teliti. Tajuknya mestilah sesuai dan menarik minat pembaca serta selaras dengan selera pembaca. Sebaik-baiknya hendaklah memilih tajuk yang bahru yang belum dikaji oleh orang lain. Kerana tajuk yang serupa akan membosankan pembaca serta pemeriksa. Tajuk kajian juga hendaklah merupakan penyelidikan yang mudah dijalankan dan mengurangkan perbelanjaan serta butir-butir atau keterangan-keterangan yang mudah didapati. Bagi penyelidikan yang berkehendakkan pengkaji berjumpa badan-badan-badan yang dianggap baik. Maka amnya adalah

badan tertentu untuk mendapatkan kebenaran adalah memakan masa yang lama dan ini menambahkan kesulitan kajian. Dalam menjalankan kajian ini pengkaji terpaksa memikirkan samada tajuk penyelidikan sesuai dengan kampung kajian kerana kebanyakannya penduduk tidak faham apakah dia jenis-jenis jenayah yang dimaksudkan. Juga terdapat masaalah untuk mendapatkan kebenaran dari pihak yang berkuasa atau penghulu-penghulu atau Wakil-Wakil Rakyat supaya penyelidikan ini tidak dicurigai oleh mereka, dengan ini penerangan yang jelas harus diberikan untuk memuaskan hati mereka.

Dalam memilih sampling, pengkaji harus berhati-hati supaya respondent-respondent itu terdiri daripada berbagai kaum dan jantina supaya dapat dibuat perbandingan daripada butir-butir tersebut. Soal selidik ialah satu cara kajian yang berkehendakkan respondent-respondentnya mempunyai pelajaran sekurang-kurangnya dari segi pembacaan kerana mereka yang buta huruf tidak akan dapat menjawab soalan-soalan tersebut. Pengkaji juga harus mengelakkan 'bias' terhadap respondent-respondent kerana mungkin pengkaji enggan pergi kerumah orang yang ada memelihara anjing atau yang dianggap sompong atau kerumah yang pengkaji sendiri tidak suka. Oleh itu masaalah ini terpaksa diatasi supaya mereka berpeluang mengambil bahagian.

Dalam menyediakan soalan-soalan, pengkaji terpaksa berhati-hati supaya segala soalan-soalan yang disediakan itu betul-betul difahami oleh respondent-respondent. Soalan-soalan adalah disediakan dengan semudah-mudahnya. Kurangnya pemahaman keatas Soalan bolih memberikan jawapan yang salah. Pengkaji terpaksa meniliti soalan-soalan supaya ianya tidak membawa kepada jawapan yang 'baias'. Soalan-soalan juga tidak bolih mempunyai sifat berat sebelah dan sensitive. Soalan-soalan yang bersangkutan dengan peribadi terpaksa dielakkan. Pengkaji harus berhati-hati supaya respondent tidak memberi perasaan syak wasangka daripada soalan-soalan yang disediakan itu. Misalannya samada

penagih-penagih dadah dikampung ini ada melakukan jenayah. Soalan-soalan juga bolih meragukan respondent-respondent untuk menjawabnya, kerana mungkin penyelidik juga "police informer". Pengkaji juga harus memastikan bahawa soalan-soalan tersebut memberikan jawapan yang reliable dengan hypothesisnya.

Seterusnya dalam membahagi-bahagikan soal selidik tersebut terdapat kesulitan lain yang dihadapi. Pengkaji terpaksa menentukan bahawa respondent-respondent itu merupakan orang yang bolih membaca dan memberikan jawapan yang benar, serta bolih memahami maksud daripada soalan tersebut. Pengkaji harus memberikan penerangan yang jelas dan sempurna tentang tujuan kajian, siapakah diri pengkaji dan memberikan jaminan-jaminan bahawa pengkaji bukannya datang dari mana-mana Jabatan atau Badan yang diinstitusikan oleh Kerajaan. Ini adalah kerana kebanyakkan respondent-respondent takut pihak-pihak yang tertentu boleh membuktikan kesalahan mereka dari kesilapan-kesilapan penerangan yang diberikan itu. Pengkaji harus berhati-hati supaya pengenalan secara peribadi seperti nama atau alamat-alamat mereka tidak dicatitkan. Dalam pembahagian soal-soal selidik ini dari rumah ke rumah masaalah-masaalah lain ujud:-

(1) Pengkaji tidak dilayan kerana mereka menganggap bahawa kajian seperti ini tidak mendatangkan keuntungan bagi mereka, oleh itu mereka tidak mahu menerima pengkaji.

(ii) Mereka menganggap bahawa mereka tiada masa untuk mengisi borang seperti itu, malahan diperolok-clokan dan ditertawakan sahaja dengan mengatakan bahawa pengkaji menyusahkan diri sahaja.

(Ini didengar oleh pengkaji sendiri)

- (iii) Oleh kerana soal selidik bukan diwajibkan atau diarahkan oleh Kerajaan, maka penduduk-penduduk tidak menganggapnya berat dan jawapan-jawapan dipermain-mainkan sahaja.
- (iv) Kebanyakkan respondent-resident tidak faham apa yang dikatakan latihan ilmiah, oleh itu mereka mempersenda-sendakan pengkaji kononnya pekerjaan yang dibuat adalah membazir dan membuangkan masa.
- (v) Ada pula penduduk-penduduk yang menganggap pengkaji sebagai wakil-wakil penjual yang datang dari pintu ke pintu untuk menjual barang-barang. Juga mereka fikir pengkaji sebagai pemungut derma. Oleh itu mereka enggan membuka pintu.
- (vi) Terdapat pula jenis-jenis bangsa yang tertentu yang tidak melayan pengkaji, kerana menurut mereka, mereka sudah bosan dengan soal-soal selidik seperti itu.
- (vii) Ramai pula penduduk-penduduk bukan Melayu memberikan alasan bahawa mereka tidak faham Bahasa Malaysia, dan apabila pengkaji mahu menerangkannya dalam Bahasa Inggeris, mereka memberi alasan bahawa mereka ada kerja-kerja lain yang hendak dibuat.
- (viii) Pengkaji sentiasa dicurigai oleh penduduk-penduduk.

Apa yang mungkin dilakukan untuk mengatasinya ialah dengan meminta pengesahan dari pihak Kerajaan, dan kajian hendaklah dijalankan oleh wakil-wakil Kerajaan sendiri seperti wakil-wakil rakyat, penghulu atau ketua-ketua kampung dan orang-orang yang dipercayai oleh penduduk. Tetapi cara ini sukar dilakukan dan tidak mungkin mendapat pertolongan dari pihak-pihak tertentu tanpa disertai dengan

bayaran. Selain daripada masaalah-masaalah yang tersebut diatas, terdapat masaalah untuk mendapatkan jawapan yang betul dan benar. Daripada pengetahuan pengkaji, kawasan ini mempunyai kejadian jenayah yang banyak juga, dan yang paling lazim berlaku ialah kecurian dan jenayah jalan raya (*victim of traffic offenders*). Tetapi hanya 42% sahaja mangsa yang mengakui jenayah-jenayah yang berlaku dikawasan ini. Ini adalah berbeza benar daripada pengetahuan pengkaji sendiri. Iaitu sebagai salah seorang dari penduduk yang hanya beberapa elai jaraknya dari kampung ini, pengkaji dapati banyak berlaku kejadian kecurian, rompakan dan rampasan tas-tas tangan. Didalam masa beberapa bulan sahaja dalam tahun 1975 ini, pengkaji telah menerima khabar tentang sekurang-kurangnya lima belas kejadian kecurian di kampung ini termasuklah rampasan tas tangan yang telah di saksikan oleh pengkaji sendiri. Penjenayahnya adalah anak muda yang berumur kira-kira 23 tahun, dan mangsanya adalah perempuan Cina tua. Oleh itu pihak respondent enggan memberikan keterangan yang betul-betul kerana mungkin ia takut terlibat didalam pengesahan di Mahkamah atau mangsa tidak mahu mengungkit-ungkitkan perkara kecil kerana takut berlaku pembalasan dendam oleh pihak penjenayah, atau pun mangsa merasa malu kerana penganiayaan telah dilakukan keatasnya. Respondent-resident juga enggan memberikan jawapan yang tepat tentang pemuda-pemuda nakal dan penagih-penagih dadah. Pada hal kawasan Nong Cik ini sangat terkenal dengan pemuda-pemuda nakal dan penghisap-penghisap dadah yang berkompol disimpang-simpang jalan dan diwarong-warong. Sehinggakan telah diadakan serbuan beberapa kali oleh pihak polis dilubok-lubok perjudian dan ramai juga yang tertangkap. Mengikut apa yang dilihat oleh pengkaji, walaupun pemuda-pemuda ini telah ditangkap, namun mereka jugalah yang sering kelihatan berkumpul-kumpul dan mengusik anak-anak gadis setelah mereka dilepaskan dari tangkapan. Pihak respondent-resident enggan menyatakan perkara ini mungkin merasa malu diatas kecacatan yang ada pada kampungnya dan ada sifat 'a sense of belonging' yang menyebabkan mereka cuba memberikan

berita-berita yang baik sahaja berkenaan kampung ini.

1.4 BATAS KAJIAN

Kajian ini adalah satu **exploratory studies** tentang pemangsaan jenayah (**crime victimization**) di Masyarakat Nong Cik iaitu kawasan yang terletak didalam daerah Johor Bahru. Jadi segala keputusan dan kesimpulan yang dibuat adalah berdasarkan penerangan yang didapati dari mangsa-mangsa jenayah. Penulisan terbatas pada data-data yang didapati daripada soal-selidik yang sedikit rujukan daripada buku-buku **Criminoloji**. Penerangan dan kenyataan yang ditulis ini tidak bolih mewakili masyarakat lain di Johor Bahru atau di Malaysia. Ini disebabkan kajian hanya dibuat disatu kawasan perumahan kerajaan yang mana kebanyakkan penduduknya adalah pekerja-pekerja kerajaan. Oleh kerana kesuntukan masa dan perbelanjaan, pengkaji hanya membuat kajian dikampungnya sendiri. Penghuraian mengenainya adalah bergantung kepada kejujuran pihak-pihak respondent memberikan jawapannya.

Kajian dipilih keatas kawasan ini ialah kerana selain daripada kampung ini adalah tempat pengkaji sendiri, kawasan ini juga tidak kurang dengan kejadian jenayah. Iaitu dengan erti kata jenayah-jenayah yang kecil-kecil yang biasa sahaja kita dengar. Dari apa yang dilihat kawasan ini hanyalah kawasan "Middle Class", iaitu diukur dari kalangan masyarakat Malaysia. Mungkin jenayah yang berlaku itu dilakukan oleh golongan "Lower Class" dari kawasan lain. Tetapi tidak dapat dinafikan juga ada golongan-golongan dikawasan ini yang melakukan jenayah.

1.5 KONSEP PEMANGSAAN

Di dalam berbagai bagi-jenis jenayah, terdapat bentuk bentuk jenayah yang tertumpu kepada perlakunya sahaja. Ia ini jenayah tanpa mangsa. Contohnya seperti

pelacuran, pemabukan, pembunuhan diri dan lain-lain. Jenayah-jenayah ini tiada mangsa yang tertentu kerana perlaku itu sendiri adalah juga mangsanya. Ada jenayah yang melibatkan seseorang atau individu, barang-barang atau harta. Tetapi didalam kajian ini, kita hanya menumpukan kepada pemangsaan atau lebih dikenal dengan "the study of victimology". Iaitu perhatian yang diberikan keatas mangsa. Pemangsaan ialah kajian keatas mangsa-mangsa jenayah tentang segala jenayah yang telah dialaminya. Apabila sesuatu kejadian jenayah yang dilapurkan, pihak polis cuba mencari perlakunya (penjenayahnya). Mereka akan menangkap dan menghakim perlakunya. Untuk tujuan-tujuan ini, mereka terpaksa menyiasat kepada mangsanya. Mangsa-mangsa adalah saksi kepada penjenayah-penjenayah itu. Mengikut Reckless, "victimology is a scientific reality which impresses itself on the human consciousness by its scientific reality" (6). Dahulunya kita menganggap bahawa kajian pemangsaan sebagai salah satu daripada 'criminology', tetapi sekarang ianya dianggap sebagai sain yang berasingan. Ini disebabkan oleh struktur dan tujuannya yang berasingan.

Mengikut Hans Von Hentig, secara umum dikelaskan mangsa-mangsa jenayah adalah dikalangan orang-orang yang belum dewasa, orang-orang perempuan, orang-orang tua, pemabuk-pemabuk, orang yang lemah, orang yang bodoh, ahli dalam kumpulan-kumpulan kecil dan lain-lainnya. Implikasinya ialah gulungan-gulungan diatas adalah mudah dilukai atau dianiaya kerana mereka adalah golongan yang lemah dan mudah dipergunakan oleh orang yang lebih kuat dan pandai (7).

Setelah dibincarakan tentang konsep pemangsaan perlu pula diterangkan tentang konsep jenayah. Ini adalah kerana pemangsaan berkaitan dengan jenayah. Disini apa yang dikaji ialah mangsa jenayah, oleh itu tumpuan kajian ialah pemangsaan dari segi jenayah. Sekarang dilihat apa-apa dia perbuatan yang dianggap jenayah dari segi pandangan

penduduk dan pendapat-pendapat serta tiori-tiori dari Sarjana-Sarjana kriminologi. Bagi penduduk-penduduk, jenayah ialah perbuatan yang melanggar "Criminal Law" seperti merompak, mencuri, membunuh, memeras ugut, menculik, penyeluk saku, perogolan, penipuan dan lain-lain perbuatan yang melibatkan kecederaan atau penumpahan darah keatas diri seseorang, atau penjenayahannya keatas barang-barang dan harta yang melibatkan kerugian yang lebih dari \$50.00.

Mengikut Sarjana-Sarjana Kriminologi iaitu Howard Becker dalam "Penggunaan Dadah", Marshall Clinard dalam "Black Market Operation", Edwin Sutherland dalam "Theft", M.Wolfgang dalam "Homicide" – kesemuanya telah memberikan perhatian yang jelas terhadap jenayah secara detail. Iaitu ianya sebagai struktur kejadian dalam sosial (Socially Structured Event). Hans Von Hentig telah memberikan saranan-saranan yang berguna dalam pandangannya tentang perlakuan jenayah iaitu sebagai hubungan sosial dimana mangsa memainkan peranan yang lebih aktif (8). Mungkin dalam masa-masa yang akan datang kita akan menyatukan unsur-unsur seperti ini dan menamakannya sebagai "Criminal-Victim Situation".

Jika mengikut Barron Mays indictable offences ialah jenayah-jenayah yang melibatkan pengadilan di Mahkamah Tinggi, manakala non-indictable offences ialah jenayah yang melibatkan pengadilan di Mahkamah Rendah. Pada asasnya banyak non-indictable crimes yang berbentuk kecurian-kecurian kecil, "larceny" yang mana penyelesaian bolih dilakukan dengan persetujuan penjenayah dan pihak Hakim atau Pengadil. Indictable Crimes ialah jenayah-jenayah seperti membunuh, jenayah sex, frauds, memecah rumah dan sebagainya.

Jika mengikut Emile Durkheim, jenayah ialah satu perkara biasa dalam proses sosial. Bagi Durkheim dan

pengikut-pengikutnya bahawa jenayah ialah functional dalam masyarakat. Beliau menambah lagi bahawa perasaan sentimen dalam masyarakat secara collective menjadi kuat apabila berlakunya jenayah. Perasaan sentimen yang collective ini adalah perlu dalam kehidupan sosial. Ini akan mengikat individu-individu dalam masyarakat dan hubungan menjadi rapat dikalangan mereka kerana hasil dari ketegangan yang mereka hadapi bersama. Oleh itu penjenayah mengujudkan fungsi-fungsi penyatuan secara sosial untuk majority. Kita tentu menyalahkan penjenayah kerana ketegangan yang diujudkan, tetapi pada masa yang sama kita sedar betapa perlu nya dia dalam mengujudkan perpaduan sosial.

Jenayah didalam lain-lain hal adalah satu perkara yang normal dalam mana-mana masyarakat, tetapi ini tidak bermakna jenayah adalah baik. Jenayah banyak didapati di Negeri-Negeri Industri dan di Bandar-Bandar. Ini mungkin dari hasrat seseorang untuk menambahkan kekayaan dan secara abstract ujud dengan cara semula jadi. Mengikut Reckless, jenayah banyak berlaku di Bandar-Bandar kerana adanya keadaan heterogenous seperti perbezaan dari segi bangsa, kelas dan status, kepercayaan ugama, kebudayaan dan sebagainya. Mengikut Durkheim ketiadaan norma-norma didalam klompok atau nilai-nilai yang serupa maka mengujudkan ketiadaan persefahaman disegi perlakuan. Dengan ini peraturan-peraturan yang berbeza menyebabkan berlakunya deviant (9).

1.6 LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN

Kawasan Nong Cik ialah pada mulanya hanya merupakan sebuah hutan belantara sahaja. Tanah ini kepunyaan Sultan Johor yang mana kemudiannya telah diberi oleh Almarhum Sultan Ibrahim kepada sahabat karibnya bernama Nong Cik Alsagoff. Iaitu seorang keturunan Arab untuk dibuka. Tanah ini telah dibuka oleh Nong Cik Alsagoff dan ditanam dengan pokok getah. Dimaklumkan bahawa

kawasan ini adalah berbukit-bukit. Dalam tahun 1939 Kerajaan Negeri Johor berkehendakkan tanah untuk dibuka untuk dibuat kawasan perumahan bagi pekerja-pekerja Kerajaan. Maka Kerajaan Johor telah membeli tanah ini daripada Nong Cik Alsagoff. Kerajaan telah menamakan kawasan ini Nong Cik iaitu mengambil sempena nama Nong Cik Alsagoff.

Terdapat kira-kira 120 buah rumah semuanya yang terletak di kawasan ini, dan kesemuanya adalah kepunyaan Kerajaan Johor. Syarat bagi penghuni-penghuni untuk tinggal dirumah ini ialah mengikut pendapatan masing-masing dan ini ditentukan pula peringkat-peringkat rumah yang dihubungkan dengan pendapatan mereka. Terdapat berbagai-bagai bangsa yang tiba di kawasan ini, tetapi penduduk yang ramai sekali ialah Bangsa Melayu. Ini adalah kerana pekerja-pekerja Kerajaan kebanyakannya berbangsa Melayu. Berbanding dengan bangsa asing yang lebih berminat untuk bekerja sendiri. Bagi penduduk-penduduk yang telah bersara atau tidak bekerja dengan Kerajaan Negeri Johor lagi, ia dimestikan pindah dari rumah tersebut.

Jauhnya kawasan Nong Cik ini dengan Bandar Johor Bahru ialah kira-kira 2 batu. Ia terletak disebelah barat daya Johor Bahru. Olih itu kedudukan kawasan ini tidak berapa jauh dengan kawasan Bandar. Jadi tidak hairanlah kalau kawasan ini juga menerima pengaruh-pengaruh dari kawasan Bandar seperti kejadian-kejadian jenayah.

Taraf hidup penduduk disini adalah sederhana sahaja kerana kebanyakannya daripada mereka perpendapatan tetap dari Kerajaan. Dari apa yang diperhatikan oleh pengkaji hampir 99% penduduk-penduduk disini yang mempunyai cukup keperluan hari-hari. Ada juga diantara mereka berpendapatan lebih seribu ringgit tetapi jika dikaji tanggungan mereka, maka kehidupan mereka sama sahaja

NOTE:

dengan penduduk-penduduk yang lain. Ditinjau dari segi bentuk hubungan sosial penduduk-penduduk, kawasan ini hampir kesuluruhannya mengaku bahawa hubungan mereka se kampung adalah mesra dan sederhana mesra. Kawasan Nong Cik ialah satu kawasan yang aman, tetapi walaubagaimana pun tidak kurang pula dengan beberapa kejadian jenayah yang berlaku. Kawasan ini adalah salah satu kawasan yang mempunyai pemuda-pemuda nakal dan penagih-penagih dadah di Daerah Johor Bahru.

Prentice Hall, Inc., New Jersey,
(1973) buku surat 6.

- (4) PHILIP HENNES
"Crime, victim and the
Police", dalam Wolfgang,
Savitz & Johnston, "The
Sociology of Crime and
Delinquency", John Wiley & Son
Inc. (1970), buku surat 74-75
- (5) ROGER HOOD & R. SPARK
"Key Issues in Criminology",
World Univ. Lib., London,
(1970) buku surat 19.
- (6) J. BARRON DAY
"Crime and the Social
Structure", Faber & Faber Ltd.
London (1967) Bab 5, buku
surat 67.
- (7) W.L. MARSHALL &
W.L. CLARK
"The legal definition of Crime
and Criminals", dalam buku
(Wolfgang, Savitz & Johnston,
"The Sociology of Crime and
Delinquent", John Wiley & Son
Inc. (1970), buku surat

FOOTNOTE

- (1) ROGER HOOD & R.SPARKS: "Key issues in Criminology", World Univ. Lib., London, (1970) Muka surat 23.
- (2) IBID : Muka surat 23-25.
- (3) WALTER C.RECKLESS : "The crime problem", Prentice Hall, Inc. N.Jersey, (1973) Muka surat 91.
- (4) PHILIP H.ENNIS : "Crime, victims, and the Police", dalam (Wolfgang, Savitz & Johnston, "The Sociology of Crime and Delinquent", John Wiley & Son Inc. (1970), Muka surat 74-75
- (5) ROGER HOOD & R.SPARKS: "Key issues in Criminology", World Univ. Lib., London, (1970) Muka surat 19.
- (6) J.BARRON MAYS : "Crime and the Social Structure", Faber & Fab. Ltd. London (1967) Bab 5, muka surat 67.
- (7) W.L.MARSHALL & W.L.CLARK : "The legal definition of Crime and Criminals", dalam buku (Wolfgang, Savitz & Johnston, "The Sociology of Crime and Delinquent", John Wiley & Son Inc. (1970), muka surat

- (8) WALTER C. RECKLESS : "The Crime Problem",
Prentice Hall, Inc. N.Jersey,
(1973) Mukasurat 92.
- (9) ~~EBID~~ : Mukasurat 94.

Rumah Kecil Jalan 91	- 196,
Rumah kerapatan Jalan 91	- 196,
Rumah kerapatan Jalan 91X	- 196,
Rumah kerapatan Jalan 91	- 196,
Rumah kerapatan Jalan 91X	- 196,
Rumah kerapatan Jalan 91X	- 196,
Rumah kerapatan Jalan 91X	- 196,
Rumah kerapatan Jalan 91X	- 196,

- (1) Rumah kerapatan Jalan 91X yang dimiliki oleh seorang dalam kubur di atasnya merupakan properti legal untuk dilaksanakan pada hari ini. Dalam surat tawaran pembelian rumah berjumlah RM 1,250,000 selanjutnya
- (2) Rumah kerapatan Jalan 91X janda bapa bertindak sebagai pengguna dalam surat tawaran pembelian rumah kerapatan Jalan 91X yang dimiliki oleh seorang dalam kubur yang bernama M. S. S. Ahmad dan berada di atasnya RM 1,250,000 selanjutnya
- (3) Rumah kerapatan Jalan 91X janda bapa bertindak sebagai pengguna dalam surat tawaran pembelian rumah kerapatan Jalan 91X yang dimiliki oleh seorang dalam kubur yang bernama M. S. S. Ahmad dan berada di atasnya RM 1,250,000 selanjutnya
- (4) Rumah kerapatan Jalan 91X janda bapa bertindak sebagai pengguna dalam surat tawaran pembelian rumah kerapatan Jalan 91X yang dimiliki oleh seorang dalam kubur yang bernama M. S. S. Ahmad dan berada di atasnya RM 1,250,000 selanjutnya

KAPTION GAMBAR

Rumah-rumah Kerajaan dikawasan Nong Cik telah dibina secara berperingkat-peringkat seperti yang dinyatakan di bawah ini:-

Rumah Kerajaan Kelas VI	-	1941
Rumah Kerajaan Kelas VII	-	1940
Rumah Kerajaan Kelas VIII	-	1939
Rumah Kerajaan Kelas IX	-	1940
Rumah Kerajaan Kelas VII (Rumah Pangsa)	-	1940
Rumah Kerajaan Kelas VIII (Rumah Pangsa)	-	1939

- (1) Rumah Kerajaan Kelas VI jenis 'Bungalow' telah dibina dalam tahun 1941. Kakitangan Kerajaan yang layak menduduki rumah jenis ini ialah yang bergaji \$1,000 sebulan dan keatas tetapi dibawah \$1,250.00 sebulan.
- (2) Rumah Kerajaan Kelas VII jenis 'Semi-detached' telah dibina dalam tahun 1940. Kakitangan Kerajaan yang layak menduduki rumah jenis ini ialah yang bergaji \$500.00 sebulan dan keatas tetapi dibawah \$1,000.00 sebulan.
- (3) Rumah Kerajaan Kelas VIII jenis 'Semi-detached' telah dibina dalam tahun 1939. Kakitangan Kerajaan yang layak menduduki rumah jenis ini ialah yang bergaji \$375.00 sebulan dan keatas tetapi dibawah \$500.00 sebulan.
- (4) Rumah Kerajaan Kelas IX jenis 'Semi-detached' telah dibina dalam tahun 1940. Kakitangan Kerajaan yang layak menduduki rumah ini ialah yang bergaji \$190.00 sebulan dan keatas tetapi

dibawah \$375.00 sebulan.

- (5) Rumah Pangsa kelas VIII ini mempunyai 6 buah rumah telah dina dalam tahun 1939. Mereka yang layak menduduki rumah ini ialah yang bergaji \$375.00 keatas tetapi dibawah \$500.00 sebulan.
- (6) Rumah Pangsa kelas VII ini mempunyai 6 buah rumah telah dibina dalam tahun 1940. Mereka yang layak menduduki rumah ini ialah yang bergaji \$500.00 sebulan dan keatas tetapi dibawah \$1,000.00 sebulan.

PENDUDUK-PENDUDUK KAWASAN NONG CIK

Ada terdapat 120 unit rumah-rumah kerajaan dikawasan Nong Cik ini yang mana bolih dibahagikan kepada kelas-kelas dan lorong-lorong.

- | | |
|--------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Lorong 1 - | 24 unit rumah-rumah kelas IX |
| Lorong 2 - | 10 unit rumah-rumah kelas VIII
4 unit rumah-rumah kelas IX |
| Lorong 3 - | 10 unit rumah-rumah kelas VIII |
| Lorong 4 - | 2 unit rumah-rumah kelas VIII
2 unit rumah-rumah kelas VII |
| Lorong 5 - | 4 unit rumah-rumah kelas VII
4 unit rumah-rumah kelas VI
1 blok rumah pangsa kelas VII - 6 unit |
| Nong Cik Jalan Besar (1) | 18 unit rumah-rumah
kelas VIII
2 blok rumah pangsa kelas VIII - 12 unit |
| Nong Cik Jalan Besar (2) | 12 unit rumah-rumah kelas VII
2 blok rumah pangsa kelas VII - 12 unit |



RUMAH KERAJAAN KELAS VI



RUMAH KERAJAAN KELAS VII



RUMAH KERAJAAN KELAS VIII



RUMAH KERAJAAN KELAS IX



RUMAH PANGSA KELAS VII



RUMAH PANGSA KELAS VIII

BAB II

2.0 MANGSA-MANGSA JENAYAH

Hengikut kajian dimana didasarkan kepada 100 orang respondent-responent, didapati hanya kira-kira 42 orang respondent-responent yang mewakili keluarganya yang pernah menjadi mangsa bagi berbagai-bagai jenayah. Manakala 46 respondent-responent lagi tidak pernah menjadi mangsa sebarang jenayah dan 12 lagi tidak menjawab soal-selidik tersebut. Daripada apa yang didapati, diagakkkan bahawa jenayah yang berlaku dikawasan Nong Cik ini tidaklah sebanyak yang berlaku di Bandar Johor Bahru sendiri. Apabila dikaji selanjutnya terdapat pula pertentangan pendapat-pendapat dikalangan respondent-responent sendiri. Iaitu bagi mangsa-mangsa jenayah, mereka mengakui bahawa kawasan ini merupakan kawasan yang banyak berlaku jenayah. Dengan keadaan tersebut maka mereka tidak berapa suka dengan kampung ini dan ingin berpindah ke tempat lain jika ada peluang. Sementara bagi mereka-mereka yang tidak pernah menjadi mangsa bagi sebarang jenayah, mereka menegaskan bahawa kawasan ini adalah kawasan yang aman, kurang jenayah dan mereka suka tinggal disini, serta tidak berhajat untuk berpindah ke tempat lain jika diizinkan oleh Kerajaan. Pertentangan pendapat ini ialah kerana bagi mereka-mereka yang tidak pernah menjadi mangsa jenayah, sudah tentulah tidak merasa diri mereka terancam dan merasa marah. Olih itu mereka tidak merasakan bahawa keadaan kampung ini adalah merbahaya. Selagi mereka tidak menerima sebarang ancaman atau penaniyaan, selama itulah mereka hidup berbahagiya dan tidak ingin berpindah ke tempat lain kerana difikirkan kawasan ini lebih selamat.

Bagi mereka-mereka yang menjadi mangsa jenayah, pengalaman yang pahit ini sudah tentu menjadi kemarahan

mereka dan kebencian mereka terhadap kawasan ini. Olih itu secara saikoloji mereka tidak suka tinggal lebih lama di kawasan ini. Juga ada dikalangan penduduk-penduduk disini yang mempunyai anak yang terdiri dari golongan pemuda-pemuda nakal dan penghisap-penghisap dadah. Olih itu tidak hairanlah jika mereka menafikan bahawa kawasan ini mempunyai banyak jenayah.

Didapati dari seramai 42 mangsa-mangsa jenayah kawasan Nong Cik ini 69% daripadanya ialah mangsa-mangsa yang berbangsa Melayu. Ini berbanding dengan mangsa-mangsa yang berbangsa Cina hanya seramai 14% sahaja dan mangsa-mangsa India hanya seramai 7%, dan mangsa-mangsa yang berbangsa Nasrani seramai 2%. Ditinjau dari segi jantina mangsa-mangsa, kita dapati mangsa lelaki yang teramai sekali iaitu daripada 42 mangsa-mangsa tadi, kira-kira 71% adalah terdiri daripada mangsa-mangsa lelaki, dan hanya kira-kira 26% sahaja mangsa yang terdiri daripada kaum perempuan. Apakah yang menyebabkan berbezaan tersebut sebegitu besar sekali? Ini dapat ditinjau dari segi aktiviti-aktiviti kaum lelaki sendiri. Kebanyakkan kaum perempuan dikawasan ini merupakan suri-suri rumah tangga yang mana perhubungan mereka sehari-hari tidaklah seluas perhubungan yang dilakukan oleh kaum lelaki. Suri-suri rumah tangga kebanyakkan tinggal di rumah dan membuat kerja-kerja harian, olih itu mereka kurang bertemu dengan masyarakat luar selain daripada jiran-jiran dan kawan-kawan mereka. Olih itu perhubungan yang terhad ini memberikan kesan kepada pengalaman. Kurangnya aktiviti-aktiviti bolih menyebabkan kurangnya pengelaman seseorang. Disini tidak pula cuba menuduh bahawa kaum perempuan sebagai katak dibawah tempurong. Tetapi apa yang cuba dijelaskan oleh pengkaji ialah pergaulan kaum-kaum perempuan terutama suri-suri rumah tangga adalah disekitar tugas-tugasnya sahaja. Berbanding dengan kaum lelaki yang mempunyai pekerjaan yang diluar dari rumah dan dari masyarakat itu

itu sendiri. Pekerjaan mereka adalah di Bandar-Bandar dan memberi mereka peluang bergaul dan punya hubungan-hubungan sosial yang luas lagi. Dengan ini memberikan pengalaman yang lebih. Perhubungan persemukaan tidaklah setakat di rumah, didalam masyarakat mereka sendiri, dipejabat tetapi juga di Kelab-kelab, didalam perjalanan, diperhimpunan-perhimpunan, majlis-majlis dan sebagainya. Perbezaan dalam interaksi ini menyebabkan mereka bertemu dengan orang yang berbeza setiap hari. Oleh itu tidak hairanlah kalau kaum lelaki yang ramai sekali menjadi mangsa jenayah. Pengkaji memberikan kemungkinan yang lain daripada perkara yang di atas, iaitu kaum lelaki adalah golongan yang bertugas mencari nafkah untuk keluarganya. Oleh itu mereka mempunyai pendapatan. Jadi, kita tahu bahawa 99% daripada jenayah yang berlaku di Dunia ini ialah disebabkan oleh wang. Orang yang berhajatkan wang dan tidak mampu mencarinya secara halal akan melakukannya secara haram. Mendapatkan wang secara haram adalah satu perbuatan jenayah. Oleh itu jenayah-jenayah yang berlaku disini adalah berpunca daripada wang, maka sudah tentu perbuatan ini dilakukan diatas mereka-mereka yang mempunyai wang. Siapakah mereka-mereka yang mempunyai wang? tidak lain dan tidak bukan mereka yang berpendapatan, Oleh itu kaum lelakilah golongan yang menjadi sasaran anasir-anasir yang disebutkan tadi. Apabila ditinjau dari segi umur mereka-mereka yang menjadi mangsa, didapati mangsa yang teramai sekali ialah dikalangan orang-orang yang berumur dari 20 - 50 tahun. Mereka yang berumur lebih daripada 50 tahun hanya sedikit sahaja menjadi mangsa, manakala yang berumur kurang daripada 20 tahun juga terlalu sedikit menjadi mangsa jenayah. Bagi mereka-mereka yang berumur kurang dari 20 tahun sudah tentulah tingkat umur ini masih didalam tingkat "persekolahan, oleh itu apalah yang hendak diminta dari penuntut oleh penjenayah-penjenayah. Golongan tua pula iaitu yang berumur 50 tahun keatas kebanyakkan telah tidak bekerja lagi, maka sudah tentu golongan ini kurang menjadi mangsa

jenayah kecuali didalam beberapa perkara yang melibatkan pembalasan dendam, sakit hati atau iri hati. Juga golongan ini lebih banyak berjaga-jaga daripada pengalaman lampau, maka jenayah sukar diperlakukan keatas mereka.

Apabila dilihat dari segi tanggungan dan pendapatan bagi menentukan taraf hidup mangsa-mangsa, kita dapati pendapatan yang tinggi sekali dikalangan mangsa ialah lebih daripada \$1,000.00. Mengikut pendapat pengkaji sendiri, berdasarkan apa yang dilihat, golongan yang berpendapatan lebih daripada \$1,000.00 dan yang mempunyai tanggungan seramai 5 orang adalah keluarga yang senang. Di sini didapati 10% mangsa yang berpendapatan lebih \$1,000.00 yang tanggungannya hanya 3 orang dan 2% yang mempunyai tanggungan 5 orang. Bagi mangsa-mangsa yang berpendapatan \$700.00 - \$950.00 sebulan dan tanggungan mereka kebanyaknya 5 - 7 orang. Ini boleh dimasukkan kedalam kategori hidup yang sederhana, disini terdapat kira-kira 14% keluarga mangsa yang mempunyai taraf hidup sedemikian. Mangsa-mangsa yang berpendapatan kira-kira \$300.00 - \$600.00 seramai 40% dan dikalangan jumlah itu kira-kira 12% yang mempunyai tanggungan 5 - 7 orang, manakala 26% yang mempunyai tanggungan kurang daripada 5 orang. Daripada pengelasan diatas, dianggarkan kehidupan keluarga-keluarga mangsa tersebut adalah sederhana sahaja. Sementara mangsa-mangsa yang berpendapatan kurang \$200.00 adalah seramai 23% dan dari jumlah itu 10% yang tanggungannya lebih dari 5 orang. Olih itu kehidupan mereka dikatakan amatlah susah jika dibandingkan dengan keadaan sekarang ini. manakala yang mempunyai tanggungan kurang daripada 4 orang seramai 19%, kehidupan mereka adalah sederhana. Jadi daripada kenyataan yang diberikan, kita dapati golongan yang mempunyai kehidupan yang sederhana adalah mangsa yang teramai sekali, sedangkan golongan yang berkehidupan senang hanya sedikit sahaja menjadi mangsa jenayah. Ini sangatlah bertentangan dengan pendapat-

pendapat yang mengatakan bahawa orang yang kaya yang ramai sekali menjadi mangsa jenayah kerana taraf hidup mereka dan kekayaan yang mereka miliki. Sebenarnya didalam kawasan Nong Cik ini, kita tidak dapat memberikan kenyataan seperti yang tersebut kerana majoriti penduduk disini adalah terdiri daripada mereka-mereka yang berkehidupan sederhana. Walaubagaimana pun sebab yang lain ialah kerana adanya faktor-faktor pendedahan keatas anasir-anasir luar keatas kampung ini. Jadi kaya atau miskinnya penduduk itu bukanlah ukuran bagi penjenayah yang mungkin berlaku keatas dirinya.

Disegi pekerjaan, didapati kebanyakkan mangsa adalah terdiri daripada pekerja-pekerja kerajaan, iaitu seramai 59% dan berbanding dengan mangsa-mangsa yang bekerja sendiri hanya seramai 29%. Selain daripada itu terdapat seramai 9% suri-suri rumah tangga, penganggur-penganggur seramai 14% dan mangsa-mangsa yang bekerja di sektor private seramai 4%. Jadi tidak hairanlah kalau pekerja-pekerja kerajaan yang ramai menjadi mangsa kerana mereka adalah golongan yang teramai sekali yang tinggal di kawasan ini.

Kemudian timbul pula persoalan samada golongan atau penduduk yang lama tinggal disini adalah merupakan mangsa yang teramai sekali. Dengan lain perkataan, adakah semakin lama seseorang itu tinggal dikampung ini semakin banyak jenayah yang berlaku keatasnya. Kita perlu lihat berapa ramai mangsa-mangsa yang tinggal disini mengikut jangka masanya. Seramai 5% mangsa yang tinggal dikawasan ini dalam masa kira-kira kurang dari satu tahun. Kira-kira 31% pula mangsa yang tinggal selama kira-kira 2 - 3 tahun dan 31% juga yang telah menetap selama 4 - 5 tahun. Sedangkan yang telah tinggal lebih kurang 6 - 7 tahun hanya 7%. Tetapi mangsa-mangsa yang telah tinggal lebih daripada

14 tahun adalah seramai 26%. Disini taburannya tidak serupa, oleh itu sukar untuk dibuat kesimpulan samada mereka yang tinggal lama adalah mangsa yang teramai sekali. Ini adalah kerana tiada seorang mangsa pun yang telah tinggal didalam jangka masa antara 8 - 10 tahun. Apa yang didapati ialah mangsa-mangsa yang tinggal dalam tempuh lebih daripada 14 tahun dan kurang daripada 7 tahun.

2.1 PENUDUK YANG TIDAK PERNAH MENJADI MANGSA JENAYAH

Taburannya

Didapati seramai kira-kira 46 daripada jumlah respondent-resident yang tidak pernah mengalami apa-apa jenis jenayah pun. Daripada hasil kajian soal-selidik tersebut, kita dapati 86% daripada respondent-resident yang tidak pernah menjadi mangsa jenayah ialah terdiri daripada golongan lelaki. Sementara hanya 11% sahaja dari golongan perempuan. Disini tidak bermakna pula kaum perempuan adalah penduduk yang sedikit dikawasan ini, tetapi kebanyakkan soal-selidik tersebut dijawab oleh orang-orang lelaki. Dikalangan 86% mangsa lelaki tersebut, seramai kira-kira 2 orang yang berumur dibawah 29 tahun, yang berumur antara 30-49 tahun dan yang berumur lebih daripada 50 tahun. Dikalangan kaum perempuan pula, mereka-mereka yang dibawah 29 tahun hanya kira-kira 2 orang, 2 orang juga yang berumur antara 30-49 tahun manakala seorang sahaja yang berumur lebih daripada 50 tahun.

Dari bilangan-bilangan yang tercatit diatas tentang jumlah penduduk yang tidak pernah menjadi mangsa jenayah, kira-kira 41 orang dikalangan mereka itu terdiri daripada bangsa Melayu. Sedangkan hanya 4 orang sahaja yang berbangsa Cina dan seorang sahaja dari bangsa Nasrani. Daripada bangsa India tiada seorang pun yang memberikan jawapan. Oleh itu daripada yang didapati, mereka-mereka yang tidak pernah

menjadi mangsa bagi sebarang jenayah yang paling ramai sekali ialah bangsa Melayu. Ini adalah kerana penduduk Melayu adalah yang teramai sekali di kawasan ini.

Dari segi pendapatan pula, hanya seorang sahaja yang berpendapatan kurang daripada \$150.00 sebulan. Mereka yang berpendapatan antara \$20.00 - \$450.00 sebulan adalah seramai 18 orang, manakala seramai 13 orang diantara mereka yang berpendapatan antara \$500.00 - \$750.00. Seterusnya mereka yang berpendapatan antara \$800.00 - \$1,000.00 lebih adalah seramai 9 orang. Dari sini dapatlah diketahui bahawa ramai diantara respondent-resident ini yang berpendapatan tinggi berbanding dengan mangsa-mangsa jenayah dimana secara purata pendapatan mereka adalah diantara \$300.00 - \$600.00 sebulan iaitu kira-kira 18 orang. Oleh itu disini tidak dapat diterima bahawa orang yang berpendapatan tinggi adalah golongan yang ramai menjadi mangsa jenayah. Ini mungkin kerana kebanyakkan jenayah ada berkaitan dengan masaalah pergaulan mereka sendiri iaitu hasil dari perselisihan faham dan sebagainya.

Kemudian bagi mengetahui, adakah penduduk-penduduk yang tidak pernah menjadi mangsa jenayah ini tinggal di kawasan ini dalam jangka masa yang singkat, maka mereka sangat bernasib baik terkecuali dari yang tidak diingini. Didapati hanya satu keluarga sahaja yang tinggal disini dalam beberapa bulan sahaja. Kira-kira dua orang yang telah dalam satu tahun. Mereka-mereka yang telah tinggal di antara 2 hingga 3 tahun adalah kira-kira 7 orang dan 7 orang juga yang tinggal selama 4 tahun. Kira-kira 9 orang daripada mereka telah tinggal selama 5 hingga 7 tahun. Penduduk-penduduk yang tinggal selama 7 hingga 10 tahun lebih adalah seramai 16 orang. Jadi disini, penduduk-penduduk yang tidak pernah menjadi mangsa jenayah adalah golongan yang ramai sekali tinggal disini dalam jangka masa yang lama. Ini adalah kerana penduduk-penduduk ini telah biasa benar dengan keadaan kampong, maka mereka tahu bagaimana untuk mengelak dari berbagai-bagai bencana dan kemalangan.

Didalam bidang pekerjaan pula dianggarkan seramai 36 orang yang berbangsa Melayu yang bekerja dengan kerajaan dan hanya 3 orang yang berkerja sendiri, seorang penggangor, seorang suri rumah tangga. Walaupun kawasan ini kawasan perumahan kerajaan namun ada juga terdapat penduduk-penduduk yang tidak bekerja dengan kerajaan. Ini adalah kerana ada sebahagian daripada anggota-anggota keluarga itu yang bekerja dengan kerajaan.

2.2 RESPONDENT-RESPONDENT YANG TIDAK MEMBERIKAN JAWAPAN DIDALAM SOAL-SOAL SELIDIK TERSEBUT.

Didalam menjalankan kajian pemangsaan jenayah ini, didapati oleh pengkaji bahawa seramai 12 respondent-respondent yang tidak memberikan jawapan-jawapan. Setengah daripada mereka menyatakan bahawa mereka tidak suka menjawab soal-soal selidik itu. Ada yang mengatakan mereka tiada masa dan ada pula yang tidak tahu bagaimana hendak menjawabnya. Alasan-alasan lain ialah dari kalangan-kalangan mereka yang bukan Melayu yang cuba menafikan bahawa mereka tahu Bahasa Malaysia.

Walaubagaimana pun, telah dicatitkan bangsa-bangsa, pekerjaan, anggaran umur mereka mengikut pemerhatian pengakaji sendiri. Pengkaji mengandaikan bahawa daripada 12% yang tidak memberikan jawapan itu, 4 orang yang berbangsa Melayu, iaitu tiga daripadanya perempuan dan seorang lagi lelaki. Lelaki tersebut berumur kira-kira 44 tahun dan bekerja sebagai Atendant Hospital. Beliau mempunyai seorang anak lelaki belasan tahun yang nakal serta menghisap dadah. Anaknya pernah dipenjarakan kerana menagih dadah serta mencuri. Buat masa ini anaknya itu telah dikeluarkan dari penjara dan berada didalam pengawasan Polis. Olih itu mungkin kerana anaknya sendiri adalah seorang penjenayah, maka respondent ini enggan menjawab soal selidik kerana ini

akan menyentuh soal peribadinya. Perempuan yang tiga orang yang tersebut tadi, seorang daripadanya berumur kira-kira 45 tahun iaitu Guru Sekolah Igama, dan seorang lagi berumur kira-kira 35 tahun iaitu suri rumah tangga, manakala yang berumur kira-kira 28 tahun ialah seorang Kerani. Apa yang mehairankan disini ialah orang yang berpelajaran enggan memberikan kerjasama dalam hal-hal yang serupa ini. Ini mungkin kerana mereka terlalu angkuh dengan pengetahuan yang mereka ada. Kira-kira 5 orang penduduk bangsa Cina yang tidak menjawab soal-selidik ini. Tiga orang daripadanya adalah lelaki, dua orang berumur didalam lingkongan 38 - 40 tahun dan bekerja dengan kerajaan. Seorang lagi adalah pelajar yang berumur kira-kira 19 tahun. Manakala dua orang sahaja suri rumah tangga. Kesemuanya mengatakan bahawa mereka tidak tahu membaca didalam Bahasa Malaysia. Tetapi alasan ini tidak dapat diterima kerana kebanyakkan kakitangan-kakitangan kerajaan menggunakan Bahasa Malaysia didalam urusan sehari-hari dan segala surat menyurat dan perjalanan kerja-kerja dipejabat adalah menggunakan Bahasa Malaysia. Begitu juga dengan pelajar-pelajar di Sekolah, Bahasa Malaysia adalah satu perkara yang diwajibkan oleh kerajaan keatas mereka. Oleh itu alasan mereka itu tidak munasabah. Seterusnya didapati dua orang respondent yang berbangsa India dan kedua-duanya adalah perempuan. Seorang daripadanya adalah suri rumah tangga yang berumur kira-kira 37 tahun dan seorang lagi berumur 30 tahun dan bekerja sebagai Jururawat.

Analisis mendekati mengenai temuduga diluluskan untuk mendapatkan ekspresi tertulis bagi dua kaum minoriti ini.

BAB III

3.0 JENIS-JENIS JENAYAH YANG BERLAKU KEATAS MANGSA(i) PEROMPAKAN

Hasil daripada kajian keatas mangsa, didapati bahawa kira-kira empat kejadian rompakan yang berlaku di kawasan ini. Diantara empat rompakan tersebut, dua daripadanya telah dilakukan keatas mangsa yang berumur kira-kira 25 hingga 29 tahun. Satu rompakan lagi dilakukan keatas mangsa yang berumur kira-kira 39 tahun dan satu kejadian lagi berlaku pada mangsa yang berumur kira-kira 44 tahun. Disini rompakan-rompakan keselurohannya dilakukan pada mangsa yang boleh digolongkan kedalam lingkongan umur pertengahan (*middle age*). Ini adalah disebabkan mangsa-mangsa tersebut adalah golongan-golongan yang berpendapatan dan yang mempunyai perkerjaan tetap. Sudah tentulah penjenayah memilih mangsa-mangsa yang berpendapatan kerana rompakan dilakukan dengan tujuan untuk mendapatkan sesuatu daripada mangsanya. Biasanya benda yang dikehendakki itu berharga dan bernilai iaitu wang dan barang-barang berharga. Dikalangan keempat-empat mangsa tersebut, kesemua nya adalah lelaki dan dua daripadanya berbangsa Melayu, seorang mangsa lagi berbangsa Cina dan seorang lagi ialah India. Jika dilihat jumlah penduduk-penduduk Melayu dikawasan ini, dan dibandingkan dengan penduduk-penduduk bangsa lain, kita dapati 69% adalah penduduk-penduduk Melayu dan 39% lagi ialah bangsa asing. Oleh itu didapati kadar rompakan dikawasan ini lebih tinggi dikalangan bangsa asing, kerana dari jumlah penduduk Melayu itu hanya dua orang yang menjadi mangsa dan dari 39% bangsa asing dua orang menjadi mangsa. Oleh itu tiada kesimbangan diantara mangsa-mangsa Melayu dengan mangsa-mangsa yang bukan Melayu.

Apabila mangsa-mangsa tersebut dilihat dari segi perkerjaan didapati bahawa tiga daripada mangsa-mangsa ter-

sebut adalah kakitangan kerajaan iaitu mereka berkerja dipejabat-pejabat kerajaan, manakala seorang lagi mangsa tersebut berkerja sendiri iaitu bermiaga. Kemudian ditinjau-pula tingkat pendapatan mereka, iaitu tiap-tiap seorang punya pendapatan sebanyak 350 ringgit sebulan, seorang lagi sebanyak 520 ringgit dan dua orang mangsa lagi mempunyai pendapatan kira-kira 600 ringgit sebulan. Setelah ditinjau tingkat pendapatan dan perkerjaan, dapatlah kita satu kesimpulan iaitu mangsa-mangsa tersebut adalah dari kalangan orang-orang yang sederhana hidupnya. Ini bermazhabut perompakan telah dilakukan keatas mangsa-mangsa yang berkemampuan dan mempunyai pendapatan yang lumayan juga.

(ii) KECURIAN

Diantara berbagai-bagai jenis jenayah yang berlaku dikampung ini, didapati jenayah yang amat lazim dan kerap sangat berlaku ialah kecurian. Daripada jumlah jenayah yang berlaku, iaitu kira-kira 52% adalah datangnya dari perbuatan mencuri. Jika dilihat dari segi bilangannya kesurian adalah sebanyak 28 kejadian. Ini berbanding dengan perompakan yang hanya 4 kejadian sahaja. Oleh itu kawasan ini sangat popular dengan kejadian-kejadian kecurian. Mengapakah terdapat perbezaan yang amat besar ini? Kita perlu melihat golongan-golongan mangsa nya dahulu. Disetiap umur, hampir disemua tingkat umur ada yang mengalami kejadian tersebut kecuali mereka-mereka yang berumur kurang daripada 19 tahun. Ini adalah kerana mereka yang dibawah umur 19 tahun belum mempunyai kedudukan yang tetap dari segi perkerjaan dan pendapatan. Walaubagaimana pun cuma satu kejadian yang berlaku keatas mangsa yang berumur kurang daripada 19 tahun. Kecurian ini hanyalah kecil sahaja iaitu kerugian yang bernilai kurang daripada 20 ringgit. Terdapat 8 perbuatan mencuri yang telah dilakukan keatas mangsa yang berumur antara 20 hingga 29 tahun.

Ditingkat umur 30 hingga 39 tahun terdapat seramai 8 orang mangsa juga, umur antara 40 hingga 49 tahun terdapat 4 orang mangsa, 6 orang mangsa yang berumur dari 50 hingga 59 tahun dan hanya seorang sahaja mangsa yang berumur lebih dari 60 tahun. Jadi bila ditinjau bilangan jenayah dan dikaitkan dengan umur mangsa-mangsa tersebut, dapatlah satu gambaran yang agak jelas. Iaitu dimana perbuatan mencuri tersebut banyak berlaku dikalangan mangsa-mangsa yang berumur antara 20 hingga 59 tahun. Sangat sedikit jenayah kecurian dilakukan pada golongan muda dan golongan yang telah tua. Mangsa-mangsa yang ramai sekali adalah golongan yang telah berpendapatan dan berperkerjaan, berkedudukan tetap didalam masyarakat. Golongan tua dan muda yang belum bergaji dan yang telah berhenti atau bersara dari kerja tidak menjadi minat bagi penjenayah untuk melakukan kecurian keatasnya. Ini adalah berpunca dari harta yang dimiliki oleh mangsa dan wang mereka. Jadi tidak hairanlah jika penjenayah-penjenayah tersebut hanya berminat keatas mangsa-mangsa yang berharta.

Disegi jantina, seramai 24 orang mangsa adalah terdiri daripada kaum lelaki dan hanya 4 orang mangsa dari kalangan kaum perempuan. Ini mungkin disebabkan oleh kedudukan kaum perempuan sendiri yang mana 12 orang mangsa perempuan dikeselurohan jenayah yang berlaku disini, berbanding dengan kaum lelaki. Seramai 30 orang mangsa lelaki. Kaum perempuan sangat sedikit menjadi mangsa jenayah ialah mungkin aktiviti-aktiviti mereka yang tidak meluas itu yang mana pusat pergerakan mereka disekitar dirumah sahaja maka perhubungan yang kurang dengan dunia luar maka jenayah kurang dilakukan keatas mereka. Kebanyakan dari mereka adalah suri-suri rumah tangga dan segala soal-soal kewangan adalah dipegang dan diuruskan oleh pihak lelaki, maka lelakilah yang mempunyai wang dengan itu tidak hairanlah mereka yang merupakan mangsa yang ramai sekali.

Perkerjaan adalah penting memberikan kesan keatas penjenayah. Dengan ini perlu dilihat kedudukan mangsa-mangsa didalam masyarakatnya. Seramai kira-kira dua orang dari mangsa-mangsa tersebut adalah suri rumah tangga, seorang murid Sekolah, 18 orang berkerja dengan kerajaan, tiga orang penganggor, tiga orang perkerja disektor private dan dua orang lagi berkerja sendiri. Nampaknya disini taburan perkerjaan mangsa, lebih banyak dibahagian kerajaan. Penjenayah lebih berminat keatas perkerja-perkerja kerajaan. Walau bagaimana pun ada juga jenayah yang berlaku keatas penganggor-penganggor. Apakah sebabnya ujud keadaan seperti ini? Mungkin perkerja-perkerja kerajaan ini berpendapatan yang baik, dan penganggor-penganggor pula lebih banyak bergaul dengan golongan-golongan yang tidak ketentuan kedudukannya. Olih itu peluang bagi mereka untuk menjadi mangsa kecurian lebih besar kerana mereka juga golongan yang tiada berperkerjaan dan penjenayah-penjenayah ini juga golongan yang tiada orientasi nilai yang sampurna. Dengan hubungan yang rapat diantara mereka maka tentu sekali jenayah lebih rapat kepada mereka. Mangsa-mangsa kecurian dari kalangan bangsa Melayu ialah kira-kira 21 orang, bangsa Cina seramai 5 orang, India seorang dan seorang sahaja mangsa dari lain-lain bangsa. Olih kerana penduduk Melayu yang teramai sekali maka merekalah mangsa yang ramai. Tetapi kalau dilihat jumlah bangsa Cina yang banyak sedikit itu, kita dapatti bahawa kadar jenayah keatas mereka tinggi kerana dari jumlah 14 orang Cina yang dikaji pemangsaan keatasnya, 5 orang pernah menjadi mangsa, jadi ramai mangsa-mangsa yang terdiri dari bangsa ini.

Mangsa-mangsa yang berpendapatan antara 200 ringgit hingga 750 ringgit sebulan adalah yang ramai sekali. Manakala pendapatan diantara 850 ringgit hingga 900 ringgit dan seribu ringgit keatas adalah terlalu sedikit. Walau bagaimana pun tingkat-tingkat pendapatan itu tidak dapat menandingi jumlah mangsa yang berpendapatan antara 200 ringgit

hingga 600 ringgit iaitu kira-kira 48% mangsanya dari tingkat pendapatan ini. Kenyataan diatas adalah berbeza sama sekali dengan anggapan berbagai-bagai Sarjana dalam mengatakan bahwa pendapatan yang tinggi akan menyebabkan jenayah yang berlaku keatasnya juga tinggi. Atau dengan lain perkataan, orang yang kaya akan menerima jenayah yang banyak sekali. Sebaliknya disini pendapatan yang rendah adalah mangsa kecurian yang paling ramai dan mangsa yang berpendapatan tinggi hanya sedikit. Adalah suka untuk memberikan sebab tentang mengapa berlaku keadaan tersebut. Mungkin ini ber- gantung kepada sikap mangsa ini sendiri. Mangsa-mangsa yang berpendapatan tinggi lebuh berjaga-jaga dan lebuh banyak security dalam menjaga harta mereka. Juga kebanyakan orang-orang kaya menyimpan wang-wang mereka dengan cara yang lebuh selamat seperti diBank-bank. Manakala orang-orang yang berpendapatan rendah lebuh cuai dan kurang berjaga-jaga dalam mengawasi harta mereka. Mungkin mereka menyangka bahawa dengan kedudukan dan pendapatan mereka itu tidak mungkin penjenayah memilihnya sebagai mangsa. Juga mereka lebuh suka menyimpan wang dirumah kerana dijangkakan wang itu bukannya lebahan untuk disimpan untuk tujuan-tujuan kecemasan, tetapi ianya untuk kegunaan hari-hari. Dengan ini kecurian lebuh mudah dilakukan keatas mangsa yang ber- pendapatan rendah daripada yang berpendapatan tinggi.

(a) Kejadian Kecurian

Keselurohan daripada kejadian-kejadian kecurian ini adalah berlaku dari tahun-tahun 1968 hingga ketahun kajian iaitu awal tahun 1975. Didalam tahun 1968, sebanyak satu kecurian yang berlaku, diikuti dengan satu kejadian dalam tahun 1969 dan 1970 sebanyak 4 kecurian. Sementara tahun 1971 dan 1972 tiada berlaku kecurian dikampong ini. Seterusnya pada tahun 1973, sebanyak 6 kecurian yang berlaku,

1974 kira-kira 13 kejadian dan akhir sekali awal tahun 1975 kira-kira 3 kejadian sahaja. Disini timbul persoalan, iaitu mengapa pula kecurian-kecurian yang berlaku dikampong ini hanya diterangkan oleh mangsa bermula pada tahun 1968. Ada kah pada tahun sebelumnya tiada berlaku sebarang kecurian langsung dikawasan ini? Jawapan yang pertama ialah kerana antara tahun 1968 dan 1975 mempunyai jarak tujuh tahun, diantara jarak tahun-tahun ini sudah tentu banyak perkara-perkara lain yang telah berlaku. Oleh itu tidak mungkin penduduk-penduduk disini atau mangsa-mangsanya ingat tentang kejadian-kejadian yang lebih daripada tujuh tahun itu. Ini bergantung kepada pengingatan seseorang itu dan perkara-perkara yang lama yang telah berlaku tidak mungkin diingati lagi. Kedua ialah kampong ini adalah kawasan perumahan kerajaan, dimana penghuni-penghuninya hanya dibenarkan tinggal pada masa ia berkhidmat dengan kerajaan Johor di Johor Bahru sahaja. Oleh itu, mereka-mereka yang ditukarkan kedaerah-daerah lain didalam negeri Johor, tidak dibenarkan tinggal dirumah-rumah tersebut dan begitu juga bagi mereka-mereka yang telah bersara. Oleh itu tempoh penghuni-penghuni ini tinggal dikawasan ini, kebanyakannya hanya untuk beberapa tahun sahaja. Kecuali bagi beberapa keluarga yang punya rumah sendiri dikawasan ini yang telah lama menetap dan golongan ini adalah mereka-mereka yang telah bersara dan berkerja sendiri. Jika dilihat tempoh masa mereka tinggal disini, kira-kira 40% mangsa yang telah tinggal selama 4 hingga 5 tahun; 2 hingga 3 tahun seramai 40%, 6 hingga 7 tahun seramai 7% dan yang telah lama tinggal disini iaitu lebih dari 8 tahun hanya seramai 13%. Oleh itu kebanyakan penduduk disini telah tinggal diantara tahun-tahun 1968 hingga 1975 dan hanya 13% yang telah tinggal sejak awal dari tahun 1968.

Kebanyakan kecurian yang berlaku adalah dirumah mangsa sendiri dan kebanyakannya berlaku diwaktu malam.

Didapati hanya 6% sahaja kecurian yang berlaku pada siang hari. Kecurian berlaku dirumah ialah kerana banyak barang-barang yang boleh dipilih untuk dicuri iaitu terdapat banyak pilihan. Juga kerja mencuri dirumah lebih mudah dilakukan kerana senang menyembunyikan diri dan perbuatan ini tidak ketara, jika dibandingkan kecurian yang dilakukan dijalanan-jalan raya, dikedai-kedai atau di tempat-tempat lain. Waktu malam adalah sangat sesuai untuk melakukan perbuatan mencuri dimana mangsa sedang tidur, tiada orang-orang atau jiran-jiran yang nampak dan perbuatan itu tidak ketara diwaktu malam. Terdapat banyak pula kecurian-kecurian yang tidak disedari bila waktu terjadinya. Kejadian-kejadian yang berlaku tanpa disedari ini adalah kira-kira 7%. Ketidak sedaran ini ialah akibat daripada kecuaian mangsa sendiri yang tidak memeriksa barang-barang, harta atau wang mereka. Ada kecurian yang telah berlaku selama sebulan bahru disedari mangsa bahwa barang-bang kemasnya yang disimpan itu telah hilang. Kejadian ini boleh berlaku kerana ada orang-orang yang dipercayai atau yang rapat dengan mangsa yang tahu akan silok bilok rumah dan tempat simpanan mangsa.

(iii) PENIPUAN

Hanya terdapat 4 kejadian penipuan dan daripada jumlah ini, seorang daripada mangsa-mangsa itu berumur kira-kira 19 tahun, seorang berumur antara 25 tahun hingga 29 tahun, seorang juga berumur 33 tahun dan lagi seorang mangsa berumur 54 tahun. Kesemua mangsa-mangsa penipuan tersebut ialah lekali dan dua daripada mereka berbangsa Melayu serta dua lagi berbangsa Cina. Tiga daripada mangsa-mangsa tersebut berkerja dengan kerajaan dan seorang lagi berkerja di Sektor private. Pendapatan mereka pula adalah diantara 150 ringgit hingga 200 ringgit kira-kira dua orang dan seorang berpendapatan lebih kurang 250 ringgit dan 950 ringgit hanya seorang mangsa.

Walaupun mangsa-mangsa yang berkerja dengan kerajaan adalah lebih ramai daripada mangsa-mangsa yang tidak berkerja dengan kerajaan, namun dari bilangan yang kecil tersebut, masih terdapat jenayah yang berlaku dikalangan mereka. Dengan ini bermaana peratus mangsa-mangsa yang berkerja dengan kerajaan hanya sedikit jika dibandingkan dengan kejadian jenayah-jenayah keatas mangsa yang tidak berkerja dengan kerajaan. Ini mungkin perkerja-perkerja kejadian lebuh berpendantahan dan lebuh faham tentang undang-undang atau cara-cara bagi mengelakkan jenayah yang mungkin berlaku. Ini tidak pula bertujuan untuk merendah-rendahkan kebolihan dan pengentahuan perkerja-perkerja Sektor private atau perkerja-perkerja sendiri tetapi hubungan yang rapat dengan kerajaan adalah perlu bagi keselamatan kita sendiri. Penipuan-penipuan ini berlaku diantara tahun-tahun 1969 dan 1974.

(iv) PEMERASAN UGUT DAN PEROGOLAN

Hanya terdapat dua kejadian pemerasan ugut di kawasan ini. Mangsa-mangsa tersebut adalah berumur antara 38 hingga 47 tahun. Kurangnya kejadian peras ugut dikawasan ini kerana disini hanya satu kawasan penempatan yang mana hubungan antara jira-jiran tetangga adalah rapat. Oleh itu sukar dilakukan pemerasan dirumah-rumah. Kalau dilihat dari segi jenayah-jenayah keseluruhan yang berlaku dinegeri ini, pemerasan ugut banyak berlaku dibandar-bandar yang ramai peniaga-peniaga. Ini kerana supaya pemeras itu boleh mendapatkan apa yang dikehendakki pada masa itu juga atau diulangi pada lain-lain masa. Jika dilakukan dirumah-rumah amatlah suka dimana kebanyakan kita tidak ada menyimpan wang&lain yang begitu banyak dirumah seperti peniaga-peniaga yang tiap-tiap hari mengendalikan atau melibatkan wang didalam perkerjaannya. Mangsa-mangsa tersebut juga seorang lelaki dan seorang lagi perempuan dan kesemuanya adalah bangsa Melayu. Mereka adalah kakitangan kerajaan dan seorang lagi peniaga kecil-kecilan.

Kedua-dua mereka berpendapatan dilingkongan 500 ringgit hingga 650 ringgit sebulan. Bolihlah dikatakan lumayan juga pendapatan mereka dan dengan ini tidak hairanlah kalau mereka menjadi mangsa pemerasan ugut ini. Ada juga kejadian ini yang berlaku disiang hari dan ada juga diwaktu malam. Kejadian berlaku ditahun 1974.

Tidak banyak berlaku jenayah perogolan dikampung ini. Sejauh yang dikaji, hanya terdapat dua kejadian sahaja. Sukar untuk mendapatkan maalumatnya kerana mangsa tersebut cuba menyembunyikan perkara-perkara yang tertentu. Ini mungkin memalukannya jika ia mendedahkan kejadian tersebut. Walau bagaimana pun didapati kedua-dua mangsa ini dari kalangan belasan tahun dan berbangsa Melayu. Kedua-duanya masih bersekolah dan sudah tentulah kejadian berlaku pada waktu malam dimana orang ramai sukar melihatinya dan waktu sunyi dan sepi. Ia berlaku pada tahun 1969 dan 1974 dan berlaku dekat dengan rumah mangsa tersebut.

(v) PENYELUKAN SAKU DAN MEROSAKKAN HARTA
SERTA GANGGUAN

Tidak banyak berlaku kejadian seperti ini iaitu cuma tiga kejadian seluk saku. Mangsa-mangsa seluk saku ini adalah berumur 39 tahun, 50 tahun dan lebih daripada 60 tahun. Orang tua lebih ramai menjadi mangsanya kerana orang-orang yang lebih muda sentiasa berjaga-jaga dan pergerakan mereka lebih cepat jika ada perkara-perkara yang berlaku. Oleh itu sukar dilakukan penyelukan saku kepada orang-orang yang dewasa atau lebih muda daripada mangsa-mangsa tersebut. Orang yang lebih tua telah kurang ingatannya dalam berjaga-jaga dan pergerakan yang lambat dan reaksi yang kurang memudahkan jenayah dilakukan keatasnya. Mangsa-mangsa tersebut adalah lelaki dan berbangsa Melayu. Lelaki lebih digemari oleh penjenayah kerana bila berlaku gesel mengesel atau sentuhan-sentuhan sesama lelaki selalu tidak dihiraukan oleh mereka. manakala orang perempuan tidak suka disentuh oleh orang lelaki

dan mereka cepat mengelak dan menyedari jika ada sentuhan-sentuhan. Oleh itu reaksi yang sentiasa mencurigai lelaki ini menambahkan kesukaran oleh penjenayah untuk menjadikan mereka mangsa nya. Mangsa-mangsa tersebut adalah perkerja di jabatan-jabatan kerajaan sebagai Kerani dan dua orang lagi telah bersara. Penyelukan saku ini berlaku diperhentian bas, didalam bas dan dipasar iaitu tempat-tempat dimana terdapat ramai orang. Seorang daripada mangsa tersebut berpendapatan 350 ringgit sebulan, seorang lagi 550 ringgit dan 700 ringgit sebulan. Disini tidak dapat diterima mana hypothesis yang mengatakan orang yang berpendapatan tinggi adalah mangsa yang ramai atau yang berpendapatan rendah. Ini disebabkan penyelukan saku dilakukan pada masa-masa yang tidak dirancangkan iaitu orang-orang yang tidak bernasib baik ialah mangsanya. Penjenayah tiada masa untuk menghakimi samaada mangsa itu kaya atau miskin. Ia hanya mengikut kesempatan nya sahaja. Tidak semesti nya orang yang menaiki bas itu miskin dan kebanyakannya orang yang kaya selalu nya menaikki kereta. Jadi sukar ditentukan pilihan penjenayah terhadap mangsa nya. Kejadian ini berlaku pada tahun-tahun 1964, 1970 dan 1973.

Merosakkan harta (vandalism) ialah perbuatan yang menyebabkan atau melibatkan kerosakan keatas barang-barang atau harta-harta orang lain. Tidak kira samaada perbuatan ini disengajakan atau tidak. Jika mengikut D.Glasier ialah jenayah keatas harta benda (1) termasuklah traffic offender dimana berlaku kerosakan keatas kenderaan, menggaritkan kerta, memecahkan cermin kereta atau lori atau bas atau pun motor cycle. Atau percubaan melakukan kecurian yang mana telah dipecahkan dinding, pintu atau tingkap rumah mangsa dan lain-lain perbuatan yang melibatkan kerosakan-kerosakan harta. Terdapat lima kejadian-kejadian jenayah ini. Mangsa-mangsa adalah kalangan-kalangan yang berumur 38 tahun, dua orang berumur 45 tahun, seorang 50 tahun dan

seorang lagi lebih 60 tahun. Sebab-sebab mengapa ramai orang-orang tua yang menjadi mangsa ialah kerana penjenayah-penjenayah nya adalah dikalangan orang muda-muda. Ini kerana berlakunya ketidak sefahaman antara kedua-dua golongan ini iaitu adanya generation gap. Kemungkin perbuatan dapat ini adalah disengajakan. Mengikut Albert Cohen, ini boleh dimasukkan kedalam perbuatan-perbuatan "Malicious" iaitu perbuatan yang mendatangkan ketidak senangan bagi diri orang lain dan adanya sifat "Non-Utilitarian" iaitu perbuatan yang dilakukan bukan untuk digunakan atau yang ada faedah atau kegunaan bagi dirinya. Ini dapat dilihat dalam tiori Cohen iaitu " Juvenile delinquency" (2). Empat orang mangsa-mangsa tersebut ialah lelaki dan seorang lagi perempuan. Mangsa-mangsa itu 3 orang daripadanya berbangsa Melayu dan seorang Cina serta seorang lagi berbangsa India. Kesemua mereka adalah berkerja dipejabat-pejabat kerajaan. Walaupun kita dapat mangsa-mangsanya dari mereka yang berpendapatan tinggi iaitu antara 600 ringgit hingga 1,000 ringgit lebih sebulan, ini tidaklah memberi apa-apa maana kerana perbuatan seperti ini bukan kerana penjenayah itu berkehendakkan sesuatu dari mangsa nya. Apa yang mungkin dipercayai ialah sikap dan reaksi mengsa ini yang mengujudkan jurang antara penjenayah dengan mangsa. Kebanyakkan kejadian-kejadian tersebut berlaku pada waktu malam supaya tidak dapat diketahui benar-benar penjenayah nya dan ada juga yang dilakukan pada waktu siang hari. Tahun berlakunya ialah pada tahun-tahun 1973, 1974 dan 1975.

Gangguan adalah satu daripada perbuatan jenayah yang berasal dari perkataan menganggu. Menganggu disini termasuklah cuba menyerang, memukul atau memperkosa dan 'Molest'. Juga perbuatan mengusik-mengusik anak-anak gadis, mempersenda-mempersendakan mereka atau menganggu ketenteraman jiran-jiran tetangga. Terdapat lima kejadian dan mangsa-mangsanya berumur antara 19 hingga 20 tahun, 35 tahun dan ada yang berumur lebih 50 tahun. Dua daripada mangsa ialah

perempuan dan tiga adalah lelaki. Hanya seorang mangsa berbangsa Nesrani dan yang lainnya adalah Melayu. Dua orang mangsa tersebut adalah murid sekolah, dan seorang bersara, dan seorang lagi tidak berkerja. Perlu diingat bahwa jenayah jenis ini tidak melibatkan soal kewangan dan penjenayah melaku kannya bukan untuk mendapatkan wang atau harta berharga dari mangsanya. Gangguan selalunya dilakukan atas perasaan sakit hati, membala dendam, bersuka-suka sahaja untuk menakut-nakut kan mangsanya atau kerana kenakalan pelaku-pelaku itu dalam mengisi masanya yang kosong itu. Olih itu tidak hairanlah kalau mangsa-mangsa tersebut berpendapatan kurang dari 200 ringgit sebulan dan hanya dua orang yang berpendapatan 500 hingga 650 ringgit sebulan. Tiga daripada kejadian ini berlaku diwaktu malam dan dua pada waktu siang hari. Kejadian ini dilakukan dalam tahun-tahun 1968, 1969, 1973 dan 1974.

RUJOK KEPADA JADUAL 1,2,3,4,5 MUKA SURAT 79,80,81.

3.1 NILAI KERUGIAN

Jika mengikut keseluruhan nilai-nilai kerugian yang diberikan itu, kerugian yang paling tinggi sekali ialah bernilai lebih daripada satu ribu ringgit. Ada pula kerugian yang terkecil sekali iaitu sebanyak kurang daripada satu ratus ringgit. Jenis-jenis jenayah yang melibatkan kerugian atau wang ialah perompakan, kecurian, penipuan, pemerasan, penyelukan saku dan merosakkan harta. Bagi jenayah-jenayah seperti perogolan dan gangguan ini tidaklah dapat dikira kerugiannya. Nilaian nya tidak dapat dikira. Jenayah kecurian adalah jenis yang mengalami kerugian yang paling banyak. Terdapat 47% kejadian-kejadian kecurian yang nilai kerugiannya kurang daripada 100 ringgit, 20% yang nilai kerugiannya dari 100 ringgit hingga 300 ringgit, 20% bernilai 300 hingga 600 ringgit dan 13% yang bernilai 700 ringgit hingga seribu keatas. Daripada gambaran yang diberi diatas kita dapati kebanyakkan kecurian tidak

melibatkan kerugian yang tinggi. Iaitu nilai kerugian yang rendah adalah yang paling banyak sekali. Bagaimanakah bolih ujud keadaan seperti ini? Pertama nya kerana penduduk-penduduk disini bukannya dari golongan high class atau 'bourgeois'. Kebanyakannya mereka berpendapatan kurang dari seribu ringgit. Olih itu nilai kerugian nya juga rendah. Kedua ialah kerana nilaiang wang yang sedikit selalu nya disimpan dirumah. Wang yang banyak nilainya tidak disimpan dirumah tetapi dibank-bank. Ketiga ialah kerana kebanyakkan penjenayah-penjenayah bukan nya 'professional criminal', mereka hanyalah perkerjaan budak nakal atau penjenayah-penjenayah yang mengambil barang-barang yang kecil-kecil dan mudah dibawa. Ini dapat dilihat didalam bab yang ke-5.

Perompakan pula, diantara kejadian tersebut kerugiannya adalah kira-kira 200 ringgit. Penipuan mempunyai nilai kerugian kurang daripada 100 ringgit. Pemerasan ugut kerugiannya ialah antara 100 dan 600 ringgit. Penyelukan saku pula daripada tiga kejadian itu ada yang bernilai kurang daripada 100 ringgit dan ada yang bernilai antara 200 hingga 300 ringgit. Jika dilihat keseluruhannya semuanya jenayah-jenayah tersebut mempunyai nilai kerugian yang tidak banyak. Penyelukan saku tidak melibatkan kerugian yang banyak jika dibandingkan dengan pemerasan ugut adalah kerana penjenayah hanya mendapat wang yang terkandong didalam saku mangsanya sahaja. Sudah tentulah wang yang berada didalam 'purse' atau saku seseorang itu tidak banyak seperti yang diharapkan. Begitu juga dengan jenayah-jenayah yang tersebut diatas adalah merupakan jenayah kecil-kecilan sahaja yang dilakukan oleh orang-orang yang berkehendakkan wang lebahan atau untuk menampungnya hidup. Penjenayah-penjenayah itu bukanlah dari golongan yang betul-betul menjadikan perkerjaan ini sebagai mata pencariannya. Ini dapat dilihat didalam bab 5 ini selanjutnya tentang penjenayah.

3.2 PENJENAYAH

Penjanayah yang melakukan perompakan yang dapat dilihat oleh mangsa-mangsanya ialah seramai empat orang dan mereka kesemua adalah lelaki. Dua orang berumur antara 20 hingga 29 tahun dan dua lagi berumur kurang dari 19 tahun. Dari penjenayah-penjenayah tersebut dua daripada mereka berbangsa Melayu, seorang Cina dan seorang lagi India. Kesemuanya penjenayah itu tiada hubungan dengan mangsa. Iaitu mengikut mangsa, mereka tidak kenal pada penjenayah tersebut. Disini nyatakah bahwa perompak-perompak tersebut datangnya dari golongan muda-muda dan dari berbagai-bagai bangsa. Oleh kerana mangsa tidak mengenali penjenayah-penjenayah tersebut maka ini menunjukkan bahwa penjenayah-penjenayah mungkin bukan penduduk-penduduk dari kampong ini. Mereka mungkin datang dari luar kawasan tersebut. Ini adalah besar kemungkinannya kerana untuk mengelakkan dari mereka dikenali oleh penduduk.

Hanya lapan orang penjenayah sahaja yang dapat dikenali oleh mangsa kecurian. Dari bilangan tersebut dua orang daripada mereka berumur kurang dari 19 tahun, tiga orang berumur antara 20 hingga 29 tahun dan tiga orang juga berumur antara 30 hingga 39 tahun. Diantara lapan orang penjenayah-penjenayah itu, hanya dua orang wanita dan enam orang lagi adalah lelaki. Menurut mangsa, dari kalangan mangsa-mangsa perempuan tadi, seorang daripadanya telah mencuri pokok-pokok bunga orkid yang mahal-mahal harganya dari jiran penjenayah itu. Manakala seorang lagi telah mencuri barang-barang kemas tuan rumah ditempat ia berkerja. Dilihat dari segi bangsa, didapati empat orang penjenayah adalah berbangsa Melayu, dua berbangsa Cina dan dua orang lagi berbangsa India.

Penipuan pula ada sebanyak empat kejadian dan kesemua penjenayah-penjenayahnya adalah berumur antara 30 hingga 49 tahun. Dua daripadanya dilakukan oleh penjenayah lelaki dan dua lagi oleh penjenayah perempuan. Penjenayah

Melayu seramai tiga orang dan penjenayah India hanya seorang. kebanyakannya penipuan berpunca daripada peminjaman wang oleh sahabat-sahabat mangsa. Wang-wang tersebut tidak dibayar semula dan mangsa-mangsa telah ditipu. Dengan sebab inilah maka terdapat penjenayah perempuan yang melakukannya, kerana penipuan cara ini amat mudah dilakukan walaupun kanak-kanak sekali pun. Begitu juga kalau dilihat penjenayah-penjenayah yang melakukan penipuan berumur lebih 30 tahun, berbanding dengan kecurian yang mana penjenayah yang berumur kurang dari 30 tahun, yang ramai sekali. Ini adalah kerana perbuatan penipuan adalah mudah dilakukan dan perkara yang bolih berlaku bila-bila masa dan dimana-mana sahaja serta disemua tingkat umur. Manakala kecurian adalah perbuatan yang berat, berkehendakkan kecekapan, kepantasan dan keberanian. Ini bolih didapati dikalangan orang muda-muda. Disini tidak pula cuba menerangkan bahwa orang muda-muda adalah penjenayah yang ramai sekali. Kenyataan ini akan dibuktikan samaada benar atau tidaknya apabila kesimpulan diberikan. Ada satu penipuan yang diceritakan oleh mangsa dan ianya sangat menarik. Iaitu bermula dengan penjual ubat yang datang kerumah mangsa, iaitu kinonnya ia bolih mengubati berbagai-bagai jenis penyakit. Mangsa tersebut terpengaruh, lalu membeli ubat-ubat tersebut dengan harga yang mahal. Penjenayah itu telah memberikan alamat kedainya supaya dapat dihubungi kalau ada apa-apa masaalah. Apabila ubat tidak memberikan kesan apa-apa kepada mangsa, maka ia cuba menghubungi penjual ubat itu. Tetapi malangnya tiada kedai atau pun rumah yang mempunyai alamat dan nama seperti yang disebutkan. Olih itu mangsa telah ditipu.

Penjenayah yang melakukan pemerasan ugut pula dua orang penjenayahnya telah dilakukan oleh orang lelaki dan mereka adalah dari bangsa Melayu. Mengikut cerita daripada salah seorang mangsa itu iaitu semasa ia sedang menunggu isterinya didalam kereta yang terletak ditepi pasar, dua orang

yang tidak dikenali datang kepadanya dan mengunjukkan pisau lalu meminta wang dan jam tangannya dengan ugutan, jika mangsa mengengkarinya ia kan dicederakan. Penjenayah itu tidak berjaya kerana ramai orang yang sedar tentang kejadian tersebut. Mereka telah mlarikan diri. Seterusnya gangguan iaitu perbuatan menyerang, cuba menceroboh, menganggu anak-anak gadis dan menganggu ketenteraman orang lain dan sebagainya, hanya 5 penjenayah. Penjenayah-penjenayah tersebut adalah diantara 20 hingga 24 tahun, 30 hingga 24 tahun dan 39 tahun. Kesemua nya mereka ini adalah lelaki dan berbangsa Melayu. Satu dari pada kejadian ini dilakukan oleh anak tiri mangsa yang cuba menyerang ibu tiri nya, lalu telah dihalang oleh orang-orang kampong. Perbuatan merosakkan harta (vandalism) adalah salah satu daripada jenayah yang biasa berlaku di kampong ini. Tiga orang penjenayah kesemuanya dan dua orang adalah penjenayah Melayu dan seorang adalah penjenayah Cina. Kesemuanya adalah lelaki dan berumur antara 19 hingga 25 tahun. Kebanyakkan perbuatan-perbuatan ini adalah dilakukan oleh budak-budak nakal. Ada salah satu kejadian yang disengajakan oleh penjenayah iaitu apabila kereta mangsa dilanggar dari belakang, kerana katanya ia telah memaki pemandu kereta (penjenayah) itu kerana cuai memandu kereta. Pemandu itu telah melanggar kereta mangsa dengan sengaja dan berlalu dari situ. Olih kerana tidak mahu memanjangkan perselisihan, ia mendiamkan diri sahaja tanpa melapurkan kepada pihak polis kerana dianggapnya perkara kecil sahaja.

Selain daripada penjenayah-penjenayah yang disebut kan tadi, penyelukan saku ada dua penjenayah yang dapat diketahui oleh mangsa. Kedua-dua nya adalah lelaki belasan tahun dan berbangsa Melayu. Tiada hubungan antara penjenayah dengan mangsa. Bolih dikatakan kebanyakkan jenayah-jenayah yang berlaku itu tiada hubungan antara mangsa dan penjenayah-penjenayah nya.

Daripada keseluruhan jenayah-jenayah yang berlaku hanya empat sahaja penjenayah perempuan. Sedangkan jumlah penjenayah lelaki yang dapat diketahui oleh mangsa seramai 27 orang. Mengapakah orang lelaki yang ramai sekali menjadi penjenayah? Mengikut Gresham Sykes, terdapat faktor-faktor biology yang tidak dapat dielakkan. Sebab-sebabnya ada dua iaitu:-

(1) "Although most detected crimes are committed by males, most males do not commit detected crimes".

(2) "Differences in the behaviour of men and women in our society far transcend the biological differences between the sexes, i.e. the physical characteristics of males and females form the basis for the ascription of diverse social values, which influence behaviour extensively" (3). Mengikut Sykes lagi pada segi fiziknya lelaki adalah semula jadi sumber kepada penjenayah, (man's physical nature is a source of criminality). Juga katanya kedudukan sosial yang dipegang oleh kedua-dua jantina adalah melibatkan perhubungan penjenayah, dan ini lebih diterima daripada sebab-sebab dan alasan yang mengatakan bahawa jenayah ujud dari perbezaan ini Fizikal yang berhubung dengan jantina (4).

3.3 PENJENAYAH SECARA KESELURUHAN

Daripada jumlah penjenayah-penjenayah yang diketahui, sebanyak 63% bangsa Melayu, 41% Cina, 11% berbangsa India. Oleh itu kita dapati penjenayah yang paling ramai melakukan perbuatan tersebut ialah penjenayah Melayu. Pengkaj cuba memberi andaian tentang sebab-sebab mengapa orang Melayu disini lebih banyak menjadi penjenayah disini daripada bangsa asing. Pertamanya kawasan ini dan kawasan-kawasan disekitar Nong Cik dan mahu pun disekitar Bandar Johor Bahru, penduduk Melayu adalah ramai sekali. Kecuali bandar Johor Bahru sendiri

golongan asing yang paling ramai kerana tempat tumpuan ahli-ahli peniagaan. Dengan itu lebeh ramai penjenayah Melayu di kawasan Nong Cik ini berbanding dengan bandar Johor Bahru, kebanyakannya penjenayahnya terdiri daripada bangsa asing. Di kawasan-kawasan yang bersekitaran kawasan kajian ini terdapat ramai penganggor dan belia-belia yang tiada berperkerjaan dan mereka-mereka ini adalah golongan-golongan bangsa Melayu. Hasil dari keciciran dan kemiskinan maka mereka tak dapat meneruskan persekolahan. Penganggoran bolih membawa kepada penjenayahahan. Ini didapati terlalu ramai dikalangan anak-anak Melayu. Sedangkan bangsa asing terutamanya anak bangsa Cina, lebeh suka berniaga jika mereka tidak bersekolah atau menganggor. Ini tidak dapat dinafikan kerana tidak menjadi tradisi bangsa ini. Dilihat dibandar Johor Bahru, terlalu ramai peniaga-peniaga cina yang muda-muda belia berkerja bersama dengan bapa-bapa mereka atau pun berniaga sendiri. Manakala anak-anak Melayu lebeh suka duduk berehat-rehat, menganggor disimpang-simpang jalan dan mengusik anak-anak gadis yang lalu disitu. Ini adalah benar berlaku dan disaksikan sendiri oleh pengkaji, malah pengkaji telah mengalami peristiwa dimana ia menjadi mangsa gangguan golongan-golongan ini. Sebab yang lain tentang mengapa penjenayah Melayu yang ramai sekali ialah orang Melayu lebeh suka melakukan jenayah-jenayah yang kecil sahaja kerana mereka selalunya kuat dikongkong oleh ugama dan adat. Jika ada yang menyeleweng (deviate) dari norma2 masyarakatnya, adalah kerana sosialisasi yang tidak sampurna atau pengaruh kawan-kawan, tetapi mereka masih ada pegangan ugama serba sedikit. Oleh itu selagi ada kepercayaan terhadap ugama maka selama itu ia dihalang daripada melakukan jenayah yang besar-besar. Ini dapat dibandingkan jenayah yang berlaku diJohor Bahru yang melibatkan pertumpahan darah dan kerugian yang besar adalah banyak sekali berlaku dibandar ini. Dari

report polis penjenayahnya kebanyakannya dari bangsa-bangsa bukan Melayu. Jika mereka ini hendak melakukan jenayah dikawasan Nong Cik, berapa banyak benar hasil yang boleh didapati kerana kawasan ini bukan penempatan high class.

Kemudian kita dapati 55.9% adalah penjenayah lelaki dan 45% adalah penganggor, 15% berkerja sendiri, 14% buruh dan 23% tidak diketahui perkerjaannya. Olih itu kita dapati penjenayah-penjenayah tersebut lebih ramai penganggor kerana mereka tiada jalan lain untuk mendapatkan wang selain daripada melakukan jenayah. Hampir 55% mangsa yang mengatakan bahwa jenayah berlaku kerana ramai pemuda-pemuda yang menganggor.

Lihat rajah 6, 7, 8 dan 9 muka surat 81 & 82.

3.4 PENGGUNAAN SENJATA

Lihat rajah 10 dimuka surat 83)

Jika dilihat didalam penggunaan senjata didalam melakukan jenayah, tidak banyak yang diketahui oleh mangsa-mangsa. Walaubagaimana pun dapat juga diketahui jenis-jenis jenayah yang menggunakan senjata. Didalam pembunuhan, tidak diketahui samaada penjenayah menggunakan senjata atau tidak kerana siasatan dilakukan oleh pihak polis. Hanya dua perompakan yang menggunakan senjata. Satu lagi perompakan dilihat oleh mangsa tiada senjata dan satu lagi tidak diketahui oleh mangsa. Didalam kecurian iaitu 5 daripada kejadian itu yang menggunakan senjata, 16 kejadian tidak melibatkan senjata dan tujuh kejadian yang tidak diketahui oleh mangsa samaada digunakan atau tidak.

Pemerasan ugutan hanya terdapat satu sahaja kejadian yang menggunakan senjata dan satu lagi tiada

bersenjata. Kesemua penipuan tiada menggunakan senjata dan begitu juga didalam perogolan dimana kedua-dua nya tiada menggunakan senjata. Perbuatan merosakkan harta, daripada 5 kejadian hanya diketahui betul-betul oleh mangsa bahawa satu daripada ada menggunakan senjata. Walaupun mangsa tidak nampak, namun kita dapat tahu bahawa daripada perkataan "merosakkan harta" sudah memberi maana bahwa ada penglibatan senjata. Bagi jenayah menganggu dan menyerang pula hanya satu ada menggunakan senjata, dan kejadian tiada senjata dan satu lagi tidak diketahui oleh mangsa. Penyelukkan satu juga tidak diketahui samaada senjata ada digunakan atau tidak.

3.5 JENAYAH YANG DILAPURKAN

(Rujok kepada jadual II dimuka surat 83)

Daripada empat kejadian rompakan, hanya dua sahaja yang dilapurkan. Daripada dua laporan tadi, hanya seorang sahaja penjanayahnya yang telah dapat ditangkap oleh pehak polis, manakala seorang lagi tidak diketahui oleh mangsa, samaada telah ditangkap atau tidak. Perompaka yang telah ditangkap itu telah dijatuhkan hukuman penjara dan denda. Mengikut mangsanya, hukuman tersebut adalah sewajar dengan perbuatannya. Daripada 28 kejadian kecurian dikampung ini, hanya 14 kejadian sahaja yang telah dilapurkan dan 14 kejadian lagi tidak diberitahu kepada pihak polis. Dikalangan jenayah-jenayah yang dilapurkan, hanya tiga orang sahaja yang berjaya dikesan dan ditangkap penjenayahnya oleh pihak polis. Manakala 11 orang penjenayah lagi tidak diketahui oleh pihak polis. Dikalangan 3 orang penjenayah yang ditangkap tadi, dua orang telah dihukum penjara dan

seorang lagi telah dibuang bicara (case). Ini bermaana pihak polis tidak dapat membuktikan kesalahan penjenayah tersebut dipengadilan. Apa yang menghiraukan ialah mengapa banyak kejadian-kejadian kecurian yang tidak dilapurkan, iaitu sebanyak 14 kejadian jenayah yang tidak dilapurkan. Ini berbeza jika dibandingkan dengan jumlah kecurian yang berlaku secara keseluruhan sebanyak 28 kejadian. Apakah sebabnya berlaku keadaan seperti ini? Mungkinkah mangsa-mangsa tidak menaruh kepercayaan terhadap pihak polis atau kecurian-kecurian tersebut tidak dianggap jenayah atau kejadian yang ringan sahaja kerana mungkin ianya hanya melibatkan kerugian-kerugian yang kecil sahaja. Atau adakah mangsa-mangsa bimbang jika lapuran mereka tidak dilayan dan dipersia-siakan oleh pehak polis. Kesemua persodan-persoalan diatas akan dibincangkan didalam bab ini seterusnya.

Jenayah yang selanjutnya ialah penipuan iaitu sebanyak empat kejadian dan dari bilangan tersebut hanya satu sahaja yang dilapurkan kepada pihak polis, dan hasilnya ialah pihak polis tidak berjaya menangkapnya. Pemerasan ugut pula terdapat dua kejadian dan hanya satu sahaja yang dilapurkan oleh mangsa. Mengikut mangsa kepunannya tidak disiasat oleh pihak polis dan penjenayah tidak dapat dikesan. Ini adalah kerana pihak polis tiada mengambil apa-apa catitan atau mengemukakan sebarang pertanyaan pun tentang kejadian tersebut kepada mangsanya. Penyelukan saku pula terdapat tiga kejadian dan hanya dua yang dilapurkan. Kesemuanya tidak berjaya ditangkap oleh pehak polis. Didalam merosakkan harta (vandalism) pula ada lima kejadian dan dua daripadanya telah dilapurkan. Daripada jumlah yang dilapurkan itu pula hanya seorang penjenayahnya yang dapat ditangkap. Hukumannya pula ialah penjara selama 3 minggu dan seorang lagi penjenayah tidak ditangkap tapi

telah diberi amaran supaya berkelakuan baik. Jenayah yang melibatkan perogolan pula terdapat dua kejadian dan kesemua nya telah dilapurkan dan kedua-dua perogolnya telah di tangkap. Seorang telah dihukum penjara dan benda dan seorang lagi tidak diketahui hukumannya. Ganguan dan cuba menyerang pula ada lima kejadian dan hanya dua yang dilapurkan. Dari pada lapuran itu hanya seorang sahaja penjenayah yang ditahan oleh pihak polis.

3.6 · NILAI KERUGIAN YANG DILAPURKAN

(Rujuk kepada jadual 1/2 dimuka surat 84)

Jika dilihat nilai kerugian yang dilapurkan, didapati kerugian yang kurang dari 100 ringgit itu adalah sebanyak 23 kejadian dan hanya 3 kejadian sahaja dari tingkat kerugian ini yang dilapurkan. Daripada lapuran-lapuran ini hanya satu sahaja kejadian yang dapat disiasat dan ditangkap penjenayahnya. Oleh itu disini dapatlah difahamkan bahawa mangsa-mangsa tidak menganggap kerugian yang kurang dari 100 ringgit itu sebagai jenayah. Walau bagaimana pun pengkaji masih menganggapnya jenayah kerana perbuatan tersebut telah menyeleweng dari norma-norma dan nilai-nilai hidup masyarakat dan ugama kita. Kemudian terdapat penerangan dari pihak-pihak mangsa iaitu banyak jenayah-jenayah yang melibatkan nilai kerugian yang besar-besar telah dilapurkan kepada pihak polis dan kebanyakan daripada lapuran-lapuran itu tidak diindahkan oleh mereka. Ini kan pula kerugian yang sebegini kecil. Sebab itulah mereka tidak menganggapnya penting. Ada lagi satu rungutan mangsa iaitu pengalamannya sebagai mangsa kecurian dimana ia telah melapurkan kepada pihak polis. Oleh kerana ia seorang guru maka ia telah tidak dilayan. Kemudian di ceritakannya bagaimana ia telah pergi melapurkan sekali

lagi kepada polis yang berlainan lalu mengaku bahwa dirinya seorang Penolong Pegawai Daerah. Dengan serta merta polis yang bertugas itu mengambil lapuran dan menyiasat kejadian tersebut dengan penoh hormatnya kepada mangsa ini. Olih itu dapatlah kita gambaran bahawa sikap pihak polis amat berbeza sekali terhadap mangsa-mangsa jenayah. Mereka memandang pangkat dan status pelaggannya dan layanan hanya diberi kepada mangsa-mangsa jenayah yang berpangkat. Dengan ini boleh diambil andaian bahawa mangsa-mangsa itu tidak melapurkan kepada pihak polis tentang kejadian jenayah ada lah kerana mereka telah tahu akan reaksi pihak polis terhadap lapurannya nanti.

Berbalik semula kepada tingkat kerugian tadi, nilai yang sebanyak 100 hingga 299 ringgit semuanya ada sebanyak 5 kejadian dan semua nya dilapurkan tetapi telah tidak berjaya dikesan penjenayah-penjenayahnya. Pada tingkat kerugian 300 hingga 499 ringgit didapati sebanyak lapan kejadian tetapi hanya empat yang telah dilapurkan. Dalam bilangan tersebut hanya satu sahaja yang berjaya ditangkap penjenayahnya. Kira-kira empat kejadian jenayah mempunyai nilai kerugian sebanyak 500 hingga 699 ringgit. Hanya tiga dilapurkan tetapi satu sahaja yang berjaya disiasat dan ditangkap penjenayahnya. Ditingkat kerugian 700 hingga 899 ringgit tiada jenayah yang berlaku dalam nilai kerugian ini. Kira-kira enam jenayah yang mempunyai nilai kerugian antara 900 hingga seribu ringgit lebih, tetapi kesemua penjenayah-penjenayah itu tidak dapat ditangkap.

Jika dilihat keseluruhan jenayah yang dilapurkan iaitu sebanyak 18 jenayah dan hanya lapan sahaja penjenayah-penjenayah yang dapat ditangkap dan diberi hukuman. Dengan

kegagalan pihak polis menyiasat dan menangkap penjenayah-penjenayah tersebut, telah mengurangkan kepercayaan mangsa-mangsa terhadap pihak polis. Itulah salah satu sebab mengapa banyak jenayah-jenayah yang tidak dilapurkan. Walau bagaimana pun ada beberapa jenayah yang telah dilapurkan tetapi mangsa tidak tahu jumlah penjenayah yang ditangkap. Misalnya dari keseluruhan tingkat nilai kerugian tersebut, sebanyak 50% mangsa-mangsa yang tidak mengetahui samaada penjenayah itu ditangkap atau tidak, ini berbanding dengan jumlah yang dilapurkan sebanyak 58% dan yang dapat ditangkap penjenayahnya sebanyak 17% sahaja.

3.7 SEBAB-SEBAB BANYAK TERDAPAT 'HIDDEN CRIMES'

Hidden crimes ialah jenayah yang tersembunyi iaitu jenayah yang tidak dilapurkan oleh mangsa kepada pihak polis. Oleh itu tiada orang lain yang mengetahui tentang jenayah yang berlaku kecuali mangsa sendiri. Dengan ini tiada tindakan atau perubahan dan rancangan-rancangan untuk mengurangkan jenayah yang berlaku dijalankan. Didapati banyak sebab-sebab mengapa mangsa-mangsa tidak melapurkan kejadian tersebut kepada pihak yang berkuasa. Selain daripada sebab-sebab tiadanya kepercayaan mangsa terhadap pihak polis, bimbang kerana pihak polis tidak memberi layanan, menganggap jenayah tersebut sebagai perkara kecil kerana kerugian yang terlalu sedikit, maka terdapat genjala-genjala lain yang menyebabkan banyak terdapat jenayah-jenayah yang tersembunyi (*hidden crimes*). Mengikut Walta C. Reckless dalam bukunya '*Crimes and problem*', kejadian telah dijalankan oleh pehak NORC keatas 10,000 penghuni-penghuni yang telah memberikan sebab-sebab mengapa jenayah-jenayah tidak dilapurkan. Salah satu daripada sebab-sebabnya ialah kejadian itu dianggap oleh mangsa sebagai perkara-perkara private (*private matter*). Ada pula

mangsa yang tidak mahu menyusahkan penjenayah. Sebab-sebab lain yang diberikan ialah pihak polis tidak akan memberikan perhatian, ada pula yang tidak tahu bagaimana hendak membuat lapuran, tidak mahu menghabiskan masa keatas perkara-perkara kecil seperti itu, ada mangsa-mangsa yang bingong hingga tidak tahu berbuat apa-apa dan sebab yang akhir ialah kerana mangsa takut akan pembalasan dendam oih penjenayah itu (5).

Genjala-genjala diatas ialah sebab-sebab mengapa mangsa tidak mahu melapurkan kejadian jenayah yang berlaku keatasnya dilapurkan kepada pihak polis kemudian kita perhatikan pula mengapa penyaksi-penyaksi kejadian ini atau orang-orang yang tahu berkenaan tidak melapurnya kepada pihak polis. Walter C.Reckless mengatakan bahwa ketidak sanggupan penonton-penonton atau penyaksi (bystanders) untuk mengambil tindakan didalam kejadian jenayah, adalah lebih besar daripada ketidak sanggupan mangsa dalam membuat lapuran. Ia memberi contoh pembunuhan Catherine Genonese pada tahun 1964, dimana hampir 38% jiran-jiran dan penduduk dikawasan tersebut mendengar kejadian itu, tetapi tidak seorang pun daripada mereka yang memberitahu pihak polis atau memberi pertolongan. Kebanyakan daripada mereka mengatakan bahwa mereka takut untuk memanggil pihak polis atau pun memberikan pertolongan dan ada yang mengatakan bahwa mereka tidak mahu mencampuri hal itu dan tidak mahu terlibat didalam penjenayah itu (6). Hal ini jugalah yang berlaku dalam masyarakat disini dimana terdapat masaalah-masaalah didalam melibatkan diri dengan kejadian jenayah. Walau bagaimana pun terdapat masaalah didalam melapurkan kejadian jenayah. Contohnya telah diberikan oleh Committee on Uniform Records of the International Association of Chiefs of Police, tahun 1929 yang telah memberikan masaalah yang asas dalam

melapurkan jenayah kepada pihak polis:-

1. Penjenayah itu mungkin diketahui/disaksikan oleh hanya mangsa sendiri, atau perbuatan itu hanya diketahui oleh penjenayah itu sendiri.
2. Orang ramai menghalang orang lain dari melapurkannya.
3. Penjenayah tersebut mungkin merupakan satu 'private nature', seperti hubungan sex, penggugoran anak yang disengajakan (abortion) 'black mail'.
4. Tiada kemudahan dalam melapurkan kepada pihak polis dan masaalah-masaalah yang akan dihadapi apabila memberi penerangan didalam mahkamah.
5. Masyarakat sendiri tidak bersetuju dengan beberapa penguasaan undang-undang seperti perjudian dan sekatan-sekatan kebebasan.

FOOTNOTE

- (1) DANIEL GLASIER : "Adult Crime and Social Policy"; Prentice Hall, Inc. Engle World Claffs, N.S (1972), (maju judul V dimana page 2.)
- (2) ALBERT COHEN jumlah : "Juvenile Delinquency" sebanyak 52%, dan apabila dibandingkan dengan masing-masing penjensayah, dapatlah kita ketahui bahwa penjensayah-penjensayah yang melakukannya jauh lebih banyak lagi pada usia antara 15 hingga 19 tahun dan dua orang perempuan yang berusia antara 40 hingga 49 tahun dan dua orang
- (3) GRESHAM SYKES I penulis : "Crime and Society"; Random kurang dari 19 tahun, kita dapat ketahui bahwa jumlah ini, seorang telah melakukannya pada usia masing-masing berusia antara 40 hingga 49 tahun dan dua orang
- (4) IBID masyarakat yang berusia 50 hingga 59 tahun dan seorang telah melakukannya pada usia masing-masing berusia antara 40 hingga 49 tahun dan dua orang
- (5) WALTER C. RECKLESS : "The Crime Problem"; Prentice kota tidak dikenal, penjensayah yang melakukannya pada usia masing-masing berusia lebih dari pada 60 tahun.
- (6) ada IBID seorang penjensayah : (1973) - page 26 - 28. Berani menghadapi dirinya yang lemah supaya mereka tidak diwajib
- (7) IBID : Juga melalui : (1973) - page 16 - 17. mereka berusaha dalam hal menentang dan tidak suka oleh dari apabila dituntut. Maka juga lebih berusia daripada golongan muda. Inilah yang menyebabkan golongan-golongan penjensayah-penjensayah juvenile memiliki masing-masing pola ciri-ciri yang berbeda atas karena penjensayah ini memiliki perasaan curiga juga berhadap mangsanya dan mereka juga golongan yang baru naik dan ada perasaan takut.

sebanyak 15 orang penjensayah yang berusia di lingkungan 20 hingga 29 tahun. Daripada jumlah tersebut hanya seorang penjensayah dari tingkat usia ini melakukannya

BAB IV**4.0 HUBUNGAN MANGSA DENGAN PENJENAYAH**

(Rujuk jadual 13 dimuka surat 84)

Daripada jumlah penjenayah yang diketahui iaitu sebanyak 52%, dan apabila dibahagi-bahagikan mengikut umur mangsa dan penjenayah, dapatlah kita mengetahui tentang penjenayah-penjenayah yang melakukan jenayah keatas jenis-jenis mangsanya. Bagi penjenayah-penjenayah yang berumur kurang dari 19 tahun, kita dapati seramai empat orang. Dari jumlah ini, seorang telah melakukan perbuatan ini keatas mangsa yang berumur antara 40 hingga 49 tahun dan dua orang melakukan jenayah terhadap mangsa-mangsa yang berumur 50 hingga 59 tahun dan seorang telah melakukan perbuatan jenayah keatas mangsa yang berumur lebih daripada 60 tahun . Jika kita lihat disini, penjenayah-penjenayah yang muda-muda iaitu golongan juvenile delinquents lebih banyak melakukan jenayah keatas mangsa-mangsa yang berumur lebih daripada 40 tahun. Ini adalah kerana penjenayah-penjenayah tersebut lebih berani menghadapi lawannya yang lemah supaya mereka tidak dicabar balik oleh mangsa. Juga selalunya golongan tua lebih suka beralih daripada menentang dan tidak mudah naik darah apabila dianiaya. Mereka juga lebih bersabar daripada golongan muda. Inilah yang menyebabkan golongan-golongan penjenayah-penjenayah juvenile memilih mangsa yang punya ciri-ciri yang tersebut di atas kerana penjenayah ini mempunyai perasaan curiga juga terhadap mangsanya dan mereka juga golongan yang baru naik dan ada perasaan takut.

Sebanyak 15 orang penjenayah yang berumur di lingkongan 20 hingga 29 tahun. Daripada jumlah tersebut hanya seorang penjenayah dari tingkat umur ini melakukan jenayah

keatas mangsa yang berumur kurang dari 19 tahun. 5 penjenayah melakukan keatas mangsa yang berumur 20 hingga 29 tahun, tiga terhadap mangsa yang berumur 30 hingga 39 tahun, 5 orang penjenayah melakukan kepada mangsa yang berumur 40 hingga 49 tahun dan bagi mangsa yang berumur 50 hingga 59 tahun dilakukan oleh penjenayah-penjenayah seramai dua orang.

Seramai 9 orang penjenayah ditingkat umur 30 hingga 39 tahun. Dari jumlah ini, hanya seorang sahaja penjenayah yang melakukan jenayah keatas mangsa yang berumur kurang dari 19 tahun. Seorang juga melakukan jenayah pada mangsa berumur 20 hingga 29 tahun, 2 penjenayah melakukan terhadap mangsa yang berumur 30 hingga 39 tahun, dua juga terhadap mangsa yang berumur 40 hingga 49 tahun. Mangsa-mangsa yang berumur 50 hingga 59 tahun dilakukan oleh seramai dua orang mangsa dan hanya seorang penjenayah ditingkat umur ini yang melakukan jenayah keatas mangsa yang berumur lebih dari 60 tahun.

Penjenayah yang termasuk dalam lingkongan umur antara 40 hingga 49 tahun adalah sebanyak seorang dan ianya dilakukan keatas mangsa yang berumur 50 hingga 59 tahun. Kita dapat di sini penjenayah yang ramai sekali ialah dalam lingkongan umur 20 hingga 39 tahun. Ini adalah kerana pada peringkat umur ini mereka sepatutnya telah bekerja dan apabila mereka menggangor mereka terdesak dan terpaksa melakukan jenayah untuk mendapatkan wang bagi menyara diri, kerana di tingkat umur ini tiada siapa yang akan menanggongnya lagi. Walaubagaimana pun mangsa-mangsanya adalah dari golongan semua tingkat umur. Tetapi tiada penjenayah yang berumur antara 50 hingga 60 keatas, kerana tingkat umur ini telah terlalu tua dan mereka tidak larat lagi untuk melakukan jenayah. Kebanyakan orang-orang yang telah tua telah insaf dan mereka hanya ingat pada pengajaran ugama. Oleh itu tiada jenayah yang dilakukan oleh golongan ini. Walaubagaimana pun terdapat ramai

penjenayah-penjenayah yang tidak diketahui oleh mangsa umurnya.

4.1 HUBUNGAN BANGSA MANGSA DENGAN PENJENAYAH

(Rujuk jadual /4 dimuka surat 85)

Didapati jumlah penjenayah Melayu ialah seramai 17 orang dan dari jumlah ini, terdapat kira-kira 12 orang yang melakukan jenayah terhadap mangsa-mangsa yang berbangsa Melayu sendiri. Seramai dua orang penjenayah Melayu pula yang memilih mangsa-mangsa bangsa Cina. Sementara seorang penjenayah Melayu melakukan perbuatan ini kepada mangsa berbangsa India, seorang juga yang melakukan keatas mangsa Nasrani dan akhirnya seorang juga yang melakukan jenayah terhadap mangsa yang berbangsa lain daripada yang disebutkan diatas. Jadi disini apabila diperhatikan, samada ujud atau tidak unsur-unsur interracial antara interracial, kita dapati dikalangan penjenayah-penjenayah Melayu ujud unsur-unsur interracial kerana kita dapati mereka melakukan jenayah-jenayah keatas mangsa Melayu sendiri. Manakala hanya sedikit sahaja unsur-unsur interracial dikalangan mereka kerana mangsa-mangsa yang dari bangsa lain hanyalah dilakukan oleh 5 orang penjenayah sahaja. Tetapi ini mungkin disebabkan oleh penduduk disini sendiri yang merupakan orang Melayu yang ramai sekali.

Dikalangan-kalangan penjenayah-penjenayah Cina pula terdapat kira-kira empat orang sahaja, dan dari jumlah tersebut seramai tiga orang yang melakukan jenayah keatas mangsa Melayu dan hanya seorang yang melakukan kepada bangsa Cina sendiri. Disini ujud unsur-unsur hubungan intraracial dikalangan penjenayah Cina. Bagi penjenayah India pula berjumlah kira-kira 9 orang dan 5 daripadanya telah memilih mangsa berbangsa Melayu, seorang penjenayah India melakukan keatas mangsa Cina dan dua orang lagi melakukan kepada mangsa India sendiri. Manakala tiada pula terdapat penjenayah-penjenayah dari bangsa Nasrani atau lain-

lain bangsa, kerana golongan ini adalah sukar didapati disini. Juga kerana kawasan ini mempunyai sifat-sifat multi-racial yang sedikit sekali.

Jadi secara keseluruhan, ujud hubungan interracial dan intraracial dikalangan penjenayah dan mangsa. Yang mana dikalangan penjenayah Melayu lebih kerana hubungan 'interracial' antara penjenayah dan mangsanya dan cuma sedikit sahaja unsur-unsur 'intraracial' dikalangan penjenayah-penjenayah Melayu ini dengan mangsa-mangsa. Bagi lain-lain bangsa Penjenayah pula lebih ketara hubungan intraracial diantara penjenayah dan mangsa.

4.2 BUTIR-BUTIR MENGENAI JANTINA DAN PEKERJAAN SERTA HUBUNGANNYA ANTARA PENJENAYAH DAN MANGSA

(rujuk jadual dimuka surat)

Daripada kajian pemangsaan ini, apa yang didapati ialah keseluruhan jumlah penjenayah lelaki ialah seramai 93% dan penjenayah perempuan adalah seramai 7%. Dikalangan jumlah penjenayah lelaki tadi, kita dapati hanya 30% telah melakukan jenayah keatas mangsa-mangsa perempuan. Ini berbanding dengan 70% yang dilakukan keatas mangsa lelaki sendiri. Perbezaan ini adalah kerana penjenayah lelaki lebih suka mencari mangsa yang sama jantina dengannya mungkin disebabkan oleh adanya perasaan peri kemaanusiaan terhadap kaum yang lemah daripadanya. Mereka memilih mangsa lelaki kerana golongan ini setanding dengan mereka dan golongan penjenayah adalah datangnya dari kelas bawahan. Mengikut Walter B. Miller terdapat 'focal concern' di kalangan mereka. Salah satu daripadanya ialah 'toughness' iaitu mereka mengutamakan sifat kelakian dan tidak keperempuanan (1). Dengan melakukan jenayah keatas perempuan menunjukkan bahawa mereka adalah penakut kerana perempuan menunjukkan sifat yang lemah. Oleh itu mereka memilih mangsa lelaki untuk memenuhi

'focal concern' ini. Dilihat pula mengapa penjenayah perempuan melakukan perbuatan tersebut keatas mangsa yang sejenis dengannya juga, kesana kita dapati keseluruhan penjenayah perempuan memilih mangsa perempuan juga. Ini adalah kerana kaum lelaki adalah bukan lawannya dan tentu sekali penjenayah perempuan ini takut menaniaya golongan yang lebih berkuasa darinya kerana perbuatan tersebut bolih membawanya didalam kesusahan dan pembalasan pula. Juga semestinya mangsa-mangsa lelaki ini tidak gentar kepada penjenayah perempuan.

Seterusnya diperhatikan jumlah jenayah-jenayah yang dilakukan keatas mangsa-mangsa mengikut ciri-ciri pekerjaan. Di dapati dari sebanyak 54 kes-kes jenayah, 30 penjenayah yang melakukan jenayah keatas mangsa-mangsa yang bekerja dengan kerajaan. Disini tidak dipentingkan jenis-jenis pekerjaan tetapi dirangkumi kesemua pekerja-pekerja kerajaan. 4 jenayah telah dilakukan keatas mangsa yang bekerja di sektor private, 4 penjenayah an keatas mangsa-mangsa yang menganggor dan akhir sekali 4 penjenayah juga melakukan terhadap suri-suri rumah tangga. Di sini tidak dapat diterangkan pekerjaan penjenayah-penjenayah tersebut, tetapi walaubagaimana pun, sejauh yang diketahui penjenayah yang ramai sekali ialah penganggor dan pekerja-pekerja buruh. Ini adalah kedudukan penjenayah itu sendiri yang terletak dikelas bawahan. Menikut Walter B. Miller bahawa ini disebabkan sistem nilai mereka sendiri yang mendorong mereka kepada delinquency. Ini kerana mereka melihat 'excitement' itu bolih didapatkan cara yang delinquent iaitu yang keujudannya berasal dari status dan belonging. Dilihat dari kacamata kelas atasan oleh kerana mereka tiada kesanggupan untuk mencapai apa yang dinikmati oleh kelas atasan, maka golongan ini menjadi delinquent. Tetapi Miller menegaskan bahawa kebudayaan golongan ini sendiri yang mendorong kepada 'delinquency'. Ini dilihat dari 'focal concern' mereka sendiri (2). Dikatakan penjenayah-penjenayah ini adalah dari golongan bawahan ialah kerana mereka dari golongan yang didalam

kesempitan. Manakala penjenayah dari golongan atasan dibezakan dari bentuk ini dan digelar 'White Collar Crimes'. Begitu jugalah halnya dengan kawasan kajian ini, penduduk-penduduk disini bukan dari golongan atasan.

4.3 SIKAP MANGSA TERHADAP PENGADILAN

Daripada jumlah penjenayah-penjenayah yang telah ditangkap itu, dan bersempena dengan perbuatan-perbuatan yang dilakukan, dan apabila dibawa ke saluran-saluran pengadilan, penjenayah-penjenayah tersebut telah dijatuhkan hukuman masing-masing. Apabila dikaji pendapat mangsa-mangsa tentang pengadilan tersebut, kita dapati hanya 12% mangsa yang memberikan jawapan bahawa hukuman-hukuman yang dijatuhkan keatas penjenayah-penjenayah tersebut adalah adil dan sewajarnya. 7% mangsa-mangsa pula yang menyatakan hukuman-hukuman tersebut tidak memuaskan, 52% mangsa yang tidak tahu untuk memberikan jawapan, dan 29% mangsa-mangsa yang tidak memberikan pendapat mereka langsung. Sebab-sebab mengapa terlalu ramai mangsa yang tidak tahu memberikan jawapan dan yang enggan menjawab langsung, ialah kerana kebanyakkan daripada mereka tidak tahu apakah keputusan mahkamah dan hukuman yang dikenakan. Ini adalah kerana penyiasatan pihak polis adalah secara tertutup dan mereka tidak pula dipanggil bicara, kecuali dalam beberapa kes yang berkehendakkan pengesahan dari saksinya. Pihak mangsa juga enggan memberikan pendapat tentang hukuman-hukuman itu kerana soal-soal yang menyentuh pihak-pihak yang berkuasa adalah merbahaya sekali dan sensitive.

4.4 SIKAP PENDUDUK TERHADAP PIHAK POLIS

Tiba pula masanya dikaji sikap mangsa-mangsa terhadap pihak polis, iaitu samada mereka mempunyai kecekapan atau tidak didalam menjalankan tugas, dan samada mereka boleh dipercayai atau tidak dalam menjaga keselamatan penduduk.

Berbagai-bagai pendapat yang telah diberikan dan ditinjau dari pendapat kaum lelaki, seramai 21% telah menyatakan bahawa pihak polis cuai dalam menjalankan tugasnya. Perkataan 'cuai didalam pekerjaan' disini, bermaksud bahawa mereka tidak mengambil berat tentang jenayah yang berlaku dikawasan ini. Pihak polis kurang menjalankan rondaan yang rapi keatas kawasan kampung ini. Seramai 29% pula kaum lelaki yang memberikan pendapat bahawa pihak polis tidak cekap, iaitu walaupun telah dilapurkan namun mereka gagal menyiasat dan menangkap penjenayah. Ini bolih dilihat dalam Bab yang ke 3 dibawah tajuk jumlah jenayah yang dilapurkan dan tangkapan yang dilakukan. Kira-kira 23% pula yang menyatakan bahawa pihak polis sederhana cuai didalam pekerjaannya. Akhir sekali 9% daripada mangsa lelaki yang tidak tahu untuk memberikan jawapan. Kita dapati tiada seorang pun kaum lelaki yang mengatakan bahawa pihak polis itu cekap. Dikalangan mangsa perempuan pula hanya seorang sahaja yang mengatakan pihak polis itu cuai didalam pekerjaan, seorang yang mengatakan pihak polis sederhana cuai, 5 orang mangsa jenayah yang mengatakan polis tidak cekap, dan 2 orang yang mengatakan pihak polis cekap manakala seorang yang tidak tahu memberikan jawapan.

Kemudian apabila dikaji pendapat mangsa tentang kawalan pihak polis keatas jenayah dikampung ini, kita dapati 48% mangsa lelaki yang tidak puas hati dan bagi mangsa lelaki yang kurang puas hati ialah seramai 26%. Apa yang menghafrankan ialah dari 42% jumlah mangsa dari keseluruhan respondent, tiada seorang pun yang mengatakan mereka puas hati dengan cara kawalan pihak polis terhadap kampung ini. Dikalangan mangsa perempuan pula hanya seorang sahaja yang berpuas hati didalam kawalan pihak polis. Empat orang mangsa yang mengatakan kawalan polis tidak memuaskan, dan enam orang yang kurang puas hati. Secara keseluruhan pendapat-pendapat mangsa-mangsa lelaki dan perempuan, lebih ramai yang mengatakan kawalan pihak

polis tidak memuskan hati. Ini adalah berdasarkan daripada keadaan kampung yang ramai terdapat pemuda-pemuda penghisap dadah, pemuda-pemuda nakal dan bertambahnya jenayah dikawasan ini. Namun tiada tindakan dijalankan oleh pihak polis.

Dilihat pula pendapat penduduk-penduduk yang tidak pernah menjadi mangsa, kita dapati 31% yang mengatakan pihak polis tidak cekap, 10% yang mengatakan pihak polis cekap dan 59% yang tidak memberikan jawapan kerana takut menyentuh soal-soal yang sensitive. Bagi yang mengatakan pihak polis tidak cekap, mereka juga mengatakan kawalan pihak polis keatas kampung tidak memuaskan hati. Olih itu dikalangan penduduk-penduduk yang tidak pernah menjadi mangsa jenayah, golongan yang tidak berpuas hati itu lebih ramai daripada yang menganggap pihak polis cekap. Jadi disini tidak dapat dinafikan kecuian dan kecacatan-kecacatan dikalangan pihak polis.

4.5 PENGHISAP-PENGHISAP DADAH SEBAGAI GOLONGAN PENJENAYAH – DILIHAT DARI PENDAPAT-PENDAPAT MANGSA.

Apabila ditinjau lebih jauh lagi mengenai pemuda-pemuda penghisap dadah yang terdapat dikampung ini iaitu samada mereka ada melakukan jenayah atau tidak. Mengikut mangsa iaitu seramai 47% mangsa lelaki yang mengaku bahawa ada diantaranya yang melakukan jenayah. Mangsa-mangsa perempuan pula seramai 10% yang memberikan jawapan yang serupa diatas. Cuma 7% mangsa lelaki yang menafikan bahawa ada jenayah-jenayah yang dilakukan oleh penghisap-penghisap dadah. Dikalangan orang-orang yang tidak pernah menjadi mangsa jenayah, terdapat 37% yang mengatakan bahawa jenayah-jenayah disini ada yang dilakukan oleh penagih-penagih dadah. Cuma 24% yang menafikannya. Walaubagaimana pun kita dapat gambaran keseluruhan dari catitan diatas bahawa ramai mangsa-mangsa jenayah dan juga yang tidak

pernah menjadi mangsa mengatakan bahawa penagih-penagih dadah adalah salah satu daripada golongan penjenayah disini.

(Rujuk jadual 16 muka surat 85)

4.6 JENAYAH YANG DILAKUKAN OLIH PEMUDA-PEMUDA NAKAL - MENGIKUT PENERANGAN MANGSA.

Disini perlu juga kita mengetahui adakah jenayah-jenayah yang berlaku itu dilakukan oleh penjenayah yang betul-betul menjadikan perbuatan itu sebagai mata pencarian, mereka (professional criminal) atau sebagai 'occupation' mereka. Juga samada penjenayah-penjenayah disini hanya merupakan perbuatan anak-anak nakal dikampung ini. Kira-kira 42% mangsa didalam kawasan ini dan dari jumlah itu 14% yang mengatakan jenayah-jenayah ini dilakukan oleh 'professional criminal'. Sedangkan 19% yang menafikannya. 57% pula mangsa yang mengatakan jenayah disini dilakukan oleh pemuda-pemuda nakal. Pemuda-pemuda nakal yang dimaksudkan itu ialah penggangor yang dibawah umur 25 tahun dan ini termasuklah golongan juvenile delinquents yang berumur belasan tahun. Dikalangan mereka-mereka yang tidak pernah menjadi mangsa jenayah iaitu seramai 46%. Dari jumlah tersebut 2% yang mengatakan bahawa perbuatan-perbuatan jenayah dilakukan oleh 'professional criminal', manakala 30% lagi tidak memberikan jawapan disini dan 14% yang mengatakan bahawa pemuda-pemuda nakal adalah golongan yang bertanggungjawab diatas jenayah-jenayah yang berlaku disini.

Daripada kenyataan diatas maka kita dapati bahawa mangsa-mangsa jenayah dan juga penduduk-penduduk yang lainnya lebih menuduh dan menganggap bahawa jenayah yang berlaku disini dilakukan oleh pemuda-pemuda nakal. Ini disebabkan oleh nilai kerugian yang rendah dan juga jenis jenayah yang berlaku disini tidaklah berat dan merbahaya. Juga jika seorang 'professional criminal', iaitu sudah tentu membawa senjata, sedangkan tidak

ramai penjenayah yang bersenjata dikampung ini.

Sebab-sebab mengapa mangsa-mangsa dan juga penduduk-penduduk yang bukan mangsa telah memberikan jawapan tentang ramainya pemuda-pemuda nakal dikampung ini dan mereka adalah salah satu golongan penjenayah dan juga sikap mereka terhadap penagih-penagih dadah ialah kerana telah nyata sekali kawasan ini mempunyai ramai pemuda nakal yang menghisap dadah dan berjudi. Ini telah disaksikan oleh pengkaji sendiri kerana ia adalah penduduk yang berhampiran dengan kampung ini. Juga adalah kerana sifat kebencian respondent-responent terhadap golongan ini yang telah memberi malu kampung kerana kerendahan moral mereka. Manakala golongan-golongan ini adalah anggota masyarakat ini sendiri, maka sudah tentulah mereka berhak berbuat apa yang disukai dikawasan ini kecuali pihak polis yang menghalang mereka. Sebab yang lain juga ialah mungkin mangsa sendiri telah menyaksikan golongan tersebut yang telah melakukan penjenayahahan.

4.7 TIORI-TIORI MENGENAI GENJALA-GENJALA YANG MENYEBABKAN SESEORANG MELAKUKAN JENAYAH

Jika mengikut E.H.Sutherland yang mengemukakan tiori tentang "Differential Association" dalam tahun 1939, yang telah dimuatkan didalam bukunya "Principles of Criminology", iaitu ada beberapa sebab seseorang melakukan jenayah:-

- (1) Perlakuan jenayah yang dilakukan adalah melalui peniruan/dipelajari dan bukannya sesuatu yang diwarisi atau dicipta.
- (2) Perlakuan jenayah adalah dipelajari dalam interaksi dengan orang-orang lain dalam proses percakapan (verbal) dan bukan percakapan (non-verbal communication).
- (3) Bahagian yang utama dimana perlakuan jenayah di pelajari ialah didalam satu kumpulan personal.

(4) Apabila perlakuan jenayah dipelajari, ia melibatkan peniruan dari segi teknik melakukan penjenayah dan arah yang tententu disegi motif, rationalisasi serta sikap.

(5) Arah motif dan tujuan ini dipelajari dari definisi 'legal codes' itu sendiri sebagai 'favourable' atau 'unfavourable'.

(6) Seseorang menjadi delinquent kerana adanya 'excess' pada 'definition favourable to violation of law over definition unfavourable to violation of law'. Ini merujuk kepada 'criminal and non-criminal association'.

(7) Proses mempelajari perlakuan jenayah melalui penyatuan/perkumpulan dengan penjenayah dan anti-penjenayah adalah melibatkan kesemua mekanisma yang berhubung dengan pembelajaran (3).

Manakala G.Sykes berkata lagi bahawa banyak teori-teori yang mengatakan perlakuan jenayah ialah disebabkan adanya keadaan abnormal didalam diri seseorang. Johannes Lange mengatakan penjenayah adalah disebabkan oleh perwarisan biology (4). Cesare Lombroso yang dahulunya dikenal dengan "Father of Criminology" menyatakan bahawa jenayah telah dilakukan oleh orang-orang yang dilahirkan sebagai penjenayah (the born criminal), orang-orang yang insane, orang-orang yang mempunyai desakan nafsu untuk melakukannya, orang-orang yang menjadikan perlakuan ini sebagai 'habit' (kebiasaan) (5). Mengikut Willem Bonger pula jenayah berlaku kerana ada kaitan dengan soal-soal ekonomi. Iaitu dikatakan jenayah banyak berlaku di kawasan-kawasan miskin dan dilakukan oleh golongan-golongan miskin. Kalau dirujuk kepada penjenayah yang melakukan perbuatan ini di kawasan Nong Cik, ada juga kebenarannya kerana golongan penjenayah yang diketahui adalah yang paling banyak menggangor. Iaini didapati 45.4% penjenayah yang menggangor yang tidak mempunyai pekerjaan berbanding dengan penjenayah yang mempunyai pekerjaan atau bekerja sendiri atau

pun buruh iaitu hanya kira-kira 3% sahaja. Jadi seseorang yang menganggor adalah orang yang hidupnya miskin. Oleh kerana desakan ekonomi maka ia melakukan jenayah. Tetapi yang berbeza sedikit dari yang dinyatakan oleh Bonger ialah kawasan kajian ini bukanlah satu kawasan miskin kerana kebanyakkan penduduk disini mempunyai pekerjaan tetap dan hidup sederhana.

Tiori Sellin tentang culture conflict juga bolih diterima. Iaitu jenayah berlaku kerana adanya pertembongan dua budaya yang bertentangan. Dirujuk pada masyarakat yang baru membangun dimana segala nilai-nilai masyarakat dan norma-norma kita yang berbentuk traditional ini ditentukan oleh ugama, adat dan juga undang-undang. Apabila datangnya kebudayaan baru seperti Hippies, cara-cara hidup yang liar seperti membela rambut panjang, menghisap dadah, hidup berkumpul bersama-sama muda mudi tanpa membuat pekerjaan, ini telah meresap dikalangan pemuda-pemuda kita, maka dengan mudah iaanya dipraktikkan. Ugama kita tidak pula melarang seseorang berambut panjang, berkumpul-kumpul dan bersuka-suka dengan tiada pekerjaan. Tetapi undang-undang kita melarang perbuatan-perbuatan tersebut. Ini menimbulkan conflict bagi diri si perlaku tersebut, maka sebagai 'escapism' pemuda-pemuda menghisap dadah untuk melupakan persoalan tersebut. Apabila riaksi masyarakat dan pihak berkuasa bertambah-tambah, maka mereka pun terus mempraktikkannya dan menjadi 'alien' dari masyarakat. Inilah yang terjadi didalam masyarakat kita atau mungkin akan ujud perkara seperti ini,

Bagi pengkaji apa yang lebih penting ialah socialisasi baik yang didapati dirumah atau pun socialisasi yang didapati dimana-mana institusi. Didalam proses socialisasi ada diberikan 'statement of norm'. Iaitu diajar norma-norma yang patut dipatuhi dan yang patut dijauhi. Disini ada surveillance dan sanction dari perlakuannya. Jika seseorang anak menginternalisekan ajaran-ajaran atau socialisasi yang di-

berikan secara deep-internalisation maka anak itu mengalami moral orientation. Iaitu anak yang mempunyai moral orientation adalah lebih baik kerana ia tidak akan melanggar norma-norma masyarakatnya kerana ia telah menginternalisekan segala ajaran-ajaran yang diberikan kepadanya. Disetiap moralnya ia telah dibentuk supaya mematuhi norma-norma masyarakat. Bagi anak-anak yang punya 'shallow-internalisation' mereka adalah sanction orientation. Iaitu sosialisasi yang mereka alami itu cetepek dan mereka hanya memandang kepada sanction atau hukuman baik atau buruk didalam melakukan sesuatu. Oleh itu segala perlakuannya adalah dipengaruhi oleh sanction. Ia tidak akan melanggar norma-norma hidup kerana takutkan sanction yang akan diberikan. Oleh itu jika tidak disedari oleh pihak-pihak tertentu mereka akan melanggar norma-norma masyarakat kerana kemungkinan sanction tidak akan diberikan. Oleh itu kalau dirujuk pada masyarakat kita, sangat penting sosialisasi kerana ini adalah salah satu cara mengawal anak-anak dari melakukan jenayah yang berkesan sekali.

Kemudian kita tinjau pula pendapat mangsa-mangsa dan respondent-resident yang lainnya tentang sebab-sebab seseorang itu tercebur didalam penjenayahannya.

4.8 SEBAB-SEBAB BANYAK KEJADIAN JENAYAH DI KAWASANINI.

Akibat daripada kurangnya didikan moral dari ibu bapa dan kurangnya pelajaran di Sekolah, maka belia-belia di kampung ini menjadi anasir-anasir yang tidak berpelajaran dan liar. Mereka ini menjadi pemuda-pemuda nakal yang mana dengan mudah terpengaruh oleh anasir-anasir luar seperti kebudayaan kuning dari barat yang mana banyak mendatangkan keburukan kepada masyarakat ini. Kebudayaan-kebudayaan kuning seperti kebudayaan hippies yang menghabiskan masa dengan menghisap dadah dan bersenang-senang itu dengan mudah menular dikalangan pemuda-pemuda kita. Juga pemuda-pemuda ini mudah dipengaruhi oleh

kawan-kawan mereka yang dari mula telah menjadi jahat dan tidak bernalamal. Apabila keadaan tersebut berlaku, mereka mencari jalan yang mudah untuk mencari wang bagi menampung diri, oih itu jalan yang senang sekali untuk mendapatkan wang ialah dengan mencuri, merompak, menyeluk saku atau lain-lainnya. Seramai 10% mangsa-mangsa jenayah yang meberikan pendapat seperti yang diatas, Menurut mereka lagi pemuda-pemuda nakal ini, oih kerana kebanyakkan mereka adalah mangsa-mangsa keciciran, maka sudah tentu pula sukar untuk mendapatkan pekerjaan dengan kelulusan yang terhad. Oih itu menggangor ialah dengan mudah dipengaruhi oleh kawan-kawan mereka. Mereka lebih suka duduk disimpang-simpang jalan, diperhentian-perhentian bas dan mengganggu serta mengusik anak-anak gadis yang lalu-lalang disitu.(6). Daripada 43% mangsa-mangsa jenayah yang mengatakan jenayah berlaku disebabkan oleh ramai-ramainya penganggor dan merekalah punca penjenayah, kira-kira 31% yang telah dinayatakan oleh mangsa-mangsa lelaki dan 12% oleh mangsa-mangsa perempuan. Kemudian didapati pula 15% mangsa-mangsa yang mengatakan jenayah berlaku kerana adanya ramai anak-anak yang tidak dapat didikan moral (Sosialization) dirumah. Kira-kira 7% pula mangsa yang mengatakan jenayah berlaku disebabkan kekurangan pekerjaan di Negeri ini. Apabila peluang pekerjaan kurang maka ramallah penganggor dan dengan tekanan inflasi di Negeri ini, telah mendorong golongan tersebut melakukan jenayah. Selain daripada itu, banyak lagi pendapat-pendapat tentang sebab-sebab jenayah berlaku di kawasan ini iaitu lain-lain pendapat seperti kurangnya kawalan dan rondaan polis keatas kampung ini. Dengan kurangnya kawalan maka penjenayah berpeluang melakukan apad sahaja yang disukainya terhadap mangsa-mangsa. Ada pula mangsa-mangsa yang mengatakan bahawa setengah jenayah berlaku kerana adanya perasaan dendam serta perasaan sakit hati terhadap kawan-kawan mereka sendiri. Manakala terdapat seorang mangsa yang mengatakan bahawa ahak-anak zaman kemajuan sekarang amat kurang diberi didikan ugama. Oih itu mereka kekurangan

kawalan dari segi hukum-hukum ugama, dengan ini mereka mudah melakukan jenayah tanpa memikirkan dosa yang ditanggung oleh mereka. Sebagaimana kita ketahui bahawa ugama ialah salah satu daripada kawalan sosial keatas individu. Pendapat-pendapat yang diberikan oleh mangsa ini adalah berdasarkan daripada apa yang mereka lihat keatas anak-anak muda dikampung ini dan pandangan-pandangan mereka terhadap keadaan dan meamanan di dalam kampung ini.

4.9 SIKAP MANGSA-MANGSA JENAYAH DAN PENDUDUK-PENDUDUK LAINNYA TERHADAP KAMPUNGINI.

Bagaimana pula sikap orang kampung terhadap kampung ini. Adakah mereka suka padanya, atau sebaliknya kerana disebabkan keadaan jenayah yang sentiasa berlaku. Didapati kira-kira 17% mangsa-mangsa perempuan yang suka tinggal disini, dan bagi mangsa-mangsa perempuan yang ^{sederhana} suka tinggal di sini, adalah seramai 7%. Diantara mangsa-mangsa lelaki seramai 26% yang hanya sederhana suka tinggal disini. Tetapi seramai 11% mangsa yang tidak suka pada kawasan ini dan mangsa perempuan seramai 5% yang tidak suka pada kampung ini. Bagi mangsa-mangsa yang tidak suka pada kampung ini kerana ia telah menjadi mangsa jenayah beberapa kali dan merasa dirinya tidak selamat tinggal disini. Manakala mangsa-mangsa yang merasakan kawasan ini lebih selamat dari kampung-kampung lain. Kesemuanya adalah menerusi pengalaman-pengalaman mangsa sendiri, dalam keselamatan dan keselesaan hidup dikampung ini.

Seramai 29% mangsa-mangsa lelaki dan perempuan yang berhajat untuk berpindah ketempat-tempat lain. Manakala kira-kira 52% mangsa-mangsa lelaki dan perempuan yang ingin menetap dikampong ini jika mereka berpeluang. Daripada penerangan tersebut, dapatlah kita mengetahui bahawa lebih ramai mangsa-mangsa yang sayang dan suka pada kampung ini. Ini menunjukkan

tiada keimbangan penduduk-penduduk terhadap keadaan jenayah yang berlaku disini. Dengan ini dapatlah kita kesimpulan bahawa jenayah disini tidaklah seburuk yang dijangkakan. Ini adalah kerana kawasan ini hanya merupakan kawasan perumahan penduduk-penduduk dan jika ia terletak betul-betul ditengah bandar dimana ia menjadi pusat perniagaan maka besar kemungkinan kadar jenayahnya tinggi. Iaitu seperti yang dikatakan oleh Emile Durkheim, bahawa negeri Industri adalah mempunyai kadar jenayah yang tinggi kerana adanya faktor-faktor alienation yang memberi kesan yang besar kepada perlakuan individu.

- (3) ~~Malaya 1950~~ (3) ~~Malaya 1950~~ (3) ~~Malaya 1950~~
- (4) ~~1950~~ (4) ~~1950~~ (4) ~~1950~~
- (5) ~~1950~~ (5) ~~1950~~ (5) ~~1950~~
- (6) ~~Pengalaman peninggalan negara dalam mengelakkan jenayah~~

FOOT NOTE

- (1) WALTER B. MILLER: "Lower Class Culture as a generating milieu of gang delinquency", dalam Wolfgang, Savitz dan Johnston, the Sociology of crime and delinquent, John Wiley & Son Inc. (1970), diberiak 1,000 ringgit. Hanya 10% jenayah yang berlaku 1,000 ringgit kerugiannya. Sisa juga jenayah yang berlaku
- (2) IBID : Page 351 lalu dibander Johor Bahru keseluruhannya. Ranya berlaku atau sejajarnya dengan jumlah keseluruhan
- (3) GRESHAM SYKES : "Crime and Society", Random House, NY. (1967) Page 113.
- (4) IBID : Page 85
- (5) IBID : Page 85 yang berlaku atau tidak.
- (6) Pengalaman pengkaji sendiri sebagai mangsa gangguan. sebali diaini tidak mencakup seluruh mangsa-mangsa kebernyataan dari bangan Madagni. Terhadap usia mangsa tidaklah sama kesesuaianya. Boleh diketahui disebut tingkat usia pernah menjadi mangsa iaitu dari mangsa yang berumur 19 hingga 60 tahun. tetapi jumlah jenayah yang berlaku keatas tingkat umur ini berbeza. Misalkan terdapat kurang mangsa yang diingkat usia kurang dari 19 tahun dan begitu juga yang berumur lebih 19 tahun. Sebenarnya bilangan mangsa adalah kira-kira 42% tetapi jumlah jenayah-jenayah yang berlaku melahai jumlah mangsa iaitu kira-kira 58% jenayah yang berlaku. Ini adalah kerana tiada pemastian seorang mangsa mengalami satu kes jenayah sahaja, ada juga mangsa yang mengalami dua tiga jenayah didalam beberapa tahun itu.

BAB V

PENUTUP

Jika dilihat keseluruhan dari kajian mangsa jenayah dikawasan Nong Cik ini kita dapati hanya 42% sahaja penduduk-penduduk disini yang pernah menjadi mangsa jenayah. Kebanyakan mangsa-mangsa tersebut hanya menyebutkan jenayah-jenayah yang ringan sahaja. Kerugiannya kebanyakannya dibawah 800 ringgit. Hanya 10.7% jenayah yang bernilai lebih 800 - 1,000 ringgit kerugiannya. Oleh itu jenayah yang berlaku disini tidaklah seberat yang berlaku dibandar Johor Bahru keseluruhannya. Hanya berlaku satu sahja kejadian pembunuhan disini dan ini pun didalam tempoh lebih dari 15 tahun. Walaupun kawasan ini hanya letaknya kira-kira 2 batu dari bandar Johor Bahru kadar jenayahnya rendah. Walaubagaimana pun terdapat kelemahan dari Method Kajian ini sendiri yang menyebabkan pengkaji tidak dapat mengesan, samaada respondent-resident memberikan jawapan yang benar atau tidak.

Secara keseluruhan jenayah yang paling banyak sekali disini ialah kecurian dan mangsa-mangsa kebanyakannya dari bangsa Melayu. Taboran umur mangsa tidaklah sama kesemuanya. Bolih dikatakan disemua tingkat umur pernah menjadi mangsa iaitu dari mangsa yang berumur 19 hingga 60 tahun. Tetapi jumlah jenayah yang berlaku keatas tingkat-tingkat umur ini berbeza. Misalnya terdapat kurang mangsa yang ditingkat umur kurang dari 19 tahun dan begitu juga yang berumur lebih 19 tahun. Sebenarnya bilangan mangsa adalah kira-kira 42% tetapi jumlah jenayah-jenayah yang berlaku melebihi jumlah mangsa iaitu kira-kira 54% jenayah yang berlaku. Ini adalah kerana tidak semesti nya seorang mangsa mengalami satu kes jenayah sahaja, ada juga mangsa yang mengalami dua tiga jenayah didalam beberapa tahun itu.

Kebanyakan jenayah-jenayah adalah terhad kepada pembunuhan, perompakan, kecurian, merogol, merosakkan harta, mengangu, seluk saku dan pemerasan ugut. Disini mangsa tidak pula menerangkan samaada mereka pernah menjadi mangsa traffic. Iaitu jenayah yang berlaku dijalan raya. Jenayah-jenayah seperti membunuh diri tidak dapat diterangkan disini kerana kajian pemangsaan adalah mengkaji mangsa jenayah, oleh itu mangsa bunuh diri tentu sekali mustahil hendak dikaji. Begitu juga tentang jenayah pemabok (drunken), sudah tentu pemabok itu sendiri mangsa nya dan tidak mungkin dipperlakukan hendak mengaku perbuatannya sendiri. Lain-lain jenayah seperti prostitution, smuggling, corruption, kidnapping tidak pula diterangkan didalam kajian ini, kerana method kajian survey cara ini melalui kajian pemangsaan sukar mengesan mangsa-mangsa jenayah tersebut. Siapa pula yang menjadi mangsa pelacuran, penyeludupan atau corruption? Olih itu jenayah-jenayah jenis ini terkecuali dari kajian pemangsaan ini.

Penjanayah secara keseluruhan kebanyakan adalah terdiri dari bangsa Melayu dan umur kebanyakan didalam lingkongan 19 hingga 39 tahun. Penjenayah lelaki adalah teramai sekali sedangkan penjenayah perempuan hanya beberapa orang sahaja dan jenayah yang mereka lakukan adalah ringan sahaja seperti kecurian dan penipuan yang melibatkan kerugian yang kurang dari satu ratus ringgit. Kebanyakan penjenayah adalah penganggor iaitu seramai 45.4%. Dan ada juga suri rumah tangga yang melakukan penipuan dan kecurian. Dilihat didalam penggunaan senjata kebanyakan kes kecurian yang ada menggunakan senjata dan begitu juga jenayah jenis merosakkan harta jika dibandingkan dengan jenayah-jenayah jenis lain. Daripada 54% kes-kes jenayah yang berlaku di-kawasan ini, hanya kira-kira 61.1% sahaja penjenayah yang diketahui oleh mangsa.

Daripada jumlah yang diketahui itu pula hanya 52.6% sahaja jenayah yang dilapurkan dan hanya 16.4% sahaja penjenayah yang dapat ditangkap oleh pihak polis. Daripada keterangan-keterangan pihak mangsa kebanyakannya mereka tidak berpuashati dengan cara pihak polis menjalankan tugas dan dengan kurangnya kepercayaan mereka terhadap pihak polis maka penduduk-penduduk disini tidak ramai yang melapurkan kejadian-kejadian jenayah kecuali jenayah-jenayah yang dianggap mérbahya dan yang mempunyai nilai kerugian yang besar. Olih itu tidaklah dapat disalahkan penduduk-penduduk kerana tiada kerjasama dengan pihak berkuasa kerana sikap dan aktiviti pihak tersebut yang memberi reaksi positif dan negatif penduduk sendiri.

Apabila dilihat secara am samaada penduduk-penduduk disini punya perasaan syak atau tuduhan keatas pemuda-pemuda nakal dan penghisap dadah disini, kita dapati dikalangan mangsa seramai 57.1% yang menyatakan golongan tersebut ada melakukan jenayah dan dikalangan penduduk yang tidak pernah menjadi mangsa, seramai 36.9% yang menuduh golongan ini melakukan jenayah. Kemudian dilihat pula pendapat-pendapat mereka tentang mengapa golongan ini melakukan jenayah atau pun mengapa kawasan ini banyak berlaku jenayah. Berbagai-bagai pendapat dan yang ramai sekali menyatakan bahwa kerana ramai anak-anak yang tidak berpelajaran disebabkan oleh keciciran atau ketidak mampuan. Dengan ini menambahkan jumlah penganggor. Dengan keadaan kekurangan socialization disekolah atau dirumah dan oleh pengaruh kawan yang telah diselubungi dengan kebudayaan kuning dari luar itu telah menceborkan anak-anak tersebut kedalam golongan penjenayah. Ini adalah pandangan masyarakat dari sudut pemahaman mereka tentang sebab-sebab kepincangan masyarakat.

berbeza

Ini banya pula dikalangan sarjana-sarjana sosiology dan criminology yang memandang dari sudut sosiological.

Pengkaji ingin memberikan cadangan kepada pihak yang berkuasa supaya ditambahkan lagi rondaan-rondaan keatas kampong ini supaya jenayah dapat dikurangkan. Pihak polis haruslah mengawasi golongan-golongan penganggor dan kerajaan harus mengambil berat keatas golongan tersebut dengan menambahkan peluang-peluang perkerjaan untuk mereka. Dasar kerajaan tentang rukun Negara adalah amat berkesan sekali dimana penduduk-penduduk kampong sendiri mengawal kawasan mereka secara sukarela. Tetapi sebelum itu kerajaan harus membekalkan golongan-golongan sukarela ini dengan ilmu-ilmu mempertahankan diri atau alat-alat senjata supaya mengelakkan dari serangan yang mungkin berlaku. Rukun Tetangga ini sangat baik bagi mengurangkan kadar jenayah-jenayah dikampong ini.

Disegi didikan keatas anak, ibu bapa dinasihatkan supaya memberi kawalan dan didikan yang sepenohnya kepada anak-anak. Mereka harus dihantar ke sekolah dan jika berlaku kegagalan atau keciciran, diushakanlah supaya anak-anak itu tidak dibiarkan menganggor dan bergaul dengan anak-anak yang telah rosak akhlaknya. Anak-anak yang tidak dapat dikawal lagi, yang mengalami emotional disturbance, yang enggan ke sekolah atau anak-anak yang nakal hendaklah dihantar ke pusat-pusat pemulihan akhlak untuk dirawat. Segala saranan ini dapat dibuat dan dipraktikkan oleh ibu bapa yang betul-betul bertanggungjawab keatas anak-anak mereka dan mereka-mereka yang mengambil berat keatas kebijakan anak-anaknya. Golongan ibu bapa yang mempunyai sifat-sifat itu ialah mereka yang punyai anak secukup kemampuan mereka iaitu bilangan anak-anak yang tidak melebihi dari kesanggupan

mereka menanggong dan memberi didikan. Kebanyakan mereka mempunyai anak yang sedikit. Sedangkan keluarga yang punya anak-anak yang ramai dan diluar kesanggupan ibu bapa mengawalnya adalah terdiri daripada keluarga yang pincang yang mana anak-anak mereka lah yang merupakan golongan yang membawa kepada penyakit masyarakat. Dengan lain perkataan pengkaji cuba menasihati ibu bapa supaya merancang keluarga mereka supaya kelak anak-anak mereka dapat dididik dan dikawal dengan sampurna mengikut kadar pendapatan dan kemampuan mereka. Janganlah dibiarkan anak-anak lahir kerana hasil dari proses perkahwinan dan perhubungan jantina kerana anak-anak yang lahir dari proses perkahwinan yang tidak dirancang ialah anak-anak yang bukan benar-benar dikehendakki oleh ibu bapa. Ini lah salah satu masaalah yang dihadapi oleh masyarakat kita.

Pengkaji mencadang supaya pelajar-pelajar di Jabatan Anthropologi/Sosialologi supaya membuat kajian pemangsaan ini dengan lebih ilmiah lagi dan dipolulasi yang lebih besar supaya dapat dilihat jumlah "hidden crime" di negeri ini.

2. "The Sociology of Crime and Punishment".
R.E., London, 1972.
Editor, John Wiley & Sons Inc. (1972).

3. "Crime, Corruption & Society" by Ian R. Gammie.
The Sydney Press, Melaka (1974).

BIBLIOGRAPHY

- (1) R.HOOD & R.SPARKS : "Key Issue in Criminology;"
World Univ.Lib., London
(1972)
- (2) GRESHAM M.SYKES : "Crime & Society";
Random House, N.Y. (1967)
- (3) JOHN BARRON MAYS : "Crime and Its Treatments";
Spottiswoode, Balantyne
& Co.Ltd. London &
Colchester (1970)
- (4) JOHN BARRON MAYS : "Crime and The Social
Structure"; Faber & Fab.
Ltd., London (1963, 1967)
- (5) DANEIL GLASER : "Adult Crime & Social
Policy"; Prentice Hall,
Inc. Engle World Claffs,
N.S (1972)
- (6) WOLFGANG, SAVITZ,
JOHNSTON : "The Sociology of Crime
and Delinquency",
N.Y., Lond., Syd.,
Toront., John Wiley &
Sons Inc. (1970)
- (7) ELMER H. JOHNSON : "Crime, Correction &
Society", 3rd.Edition,
The Dorsey Press, U.S.A.
(1974).

BIBLIOGRAPHY

- (8) WALTER C.RECKLESS : "The Crime Problem",
Prentice Hall, Inc.
N.Jersey, (1973).